

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 203 ● 10 - 16 MAC 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 wilayahku.com.my Wilayahku @akhbarwilayahku Wilayahku WK TV

Kursus sivik sebelum duduk rumah PPR/PA: **DBKL tunggu arahan lanjut**



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menunggu arahan lanjut daripada Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) berhubung kenyataan menterinya yang mensyaratkan bakal pemilik dan penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) menghadiri kursus kesedaran sivik bermula tahun ini.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Pembangunan Masyarakat DBKL, Ismadi Sakirin berkata pihaknya menyambut baik arahan tersebut kerana ia dapat meningkatkan amalan hidup berjiran dan menyemai sikap bertoleransi khususnya terhadap harta guna sama di PPR dan PA.

"Kursus kesedaran sivik ini amat penting untuk penduduk PPR dan PA bagi memberikan kesedaran terhadap kepentingan di kawasan penempatan mereka yang sebelum ini banyak menghadapi masalah seperti kebersihan, keselamatan serta turut menjadi sasaran vandalisme sehingga menyukarkan penduduk lain.

"Oleh itu, melalui kursus tersebut, ia dilihat mampu membendung masalah tersebut sekali gus dapat menambah keceriaan selain PPR dan PA akan menjadi kawasan kejiran yang sihat dan selesa untuk semua," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

PIMRKKL 2030 terajui langkah **Kuala Lumpur neutral karbon**



►►9-11



Hari Terbuka Putrajaya 2023
meriah dengan pelbagai acara

►►12



Tebus emas
dengan potongan
biro ANGKASA

►►15



Air tangan ibu di
**Santapan Ummis
Hijau Kasturi**

►►16

Penduduk di Wilayah Persekutuan KL paling ramai murung, anxiety - KKM

MUNGKIN kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan ibu kota yang menjadi pusat ekonomi, penduduk di sini dikesan mengalami masalah kemurungan dan *anxiety* tertinggi berdasarkan saringan dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata dapatan itu diperoleh berdasarkan saringan membabitkan 336,900 penduduk di seluruh negara yang dilaksanakan tahun lalu.

"Antara faktor yang menyumbang kepada masalah kemurungan di Wilayah Persekutuan ialah kos sara hidup tinggi, miskin bandar, masalah perhubungan dengan ibu bapa dan rakan sebaya.

"Pada 2022, kita menjalankan saringan keseluruhan membabitkan 336,900 dan dalam keputusan itu, kita dapatkan negeri tertinggi alami masalah kemurungan dan *anxiety* ialah di

Wilayah Persekutuan. Orang Wilayah banyak masalah.

"Sebab seperti diketahui kos sara hidup yang tinggi, golongan B40 di Wilayah Persekutuan selain masalah perhubungan contohnya tekanan dari ibu bapa yang mahu anaknya menjadi menteri, kasihan anak-anak jadi tertekek," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau menjawab soalan tambahan Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) mengenai negeri yang mempunyai kesertinggi masalah gangguan mental.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata kebanyakkan masalah kesihatan mental yang dihadapi golongan muda termasuk remaja dan belia adalah dipengaruhi oleh faktor sosial seperti masalah kewangan, masalah perhubungan, buli, tingkah laku berisiko, penyalahgunaan substans, rasa rendah diri dan jangkaan yang tinggi terhadap diri sendiri yang menyumbang kepada stres yang tinggi, keresahan dan

kemurungan.

"Inisiatif yang dijalankan KKM adalah perkhidmatan kesihatan mental disediakan di 1,161 Klinik Kesihatan, 58 hospital, 34 pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) dan empat institusi mental yang meliputi aspek promosi, pencegahan, pengesanan awal dan rehabilitasi.

"Program Minda Sihat Sekolah yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan yang meliputi saringan dan intervensi menggunakan Modul Minda Sihat (KPM) dan Modul Kesihatan Mental Remaja (KKM), pelajar yang disaring dan dikenal pasti mengalami masalah emosi atau tingkah laku akan dirujuk untuk penilaian dan rawatan selanjutnya," katanya.

Beliau menjawab soalan asal Mohd Sany mengenai langkah KKM dalam mengatasi masalah kesihatan mental yang dialami oleh golongan muda dan juga warga emas di Malaysia. WK



KOS sara hidup tinggi, miskin bandar, masalah perhubungan dengan ibu bapa dan rakan sebaya merupakan di antara punca warga Kuala Lumpur mengalami kemurungan dan anxiety.

Kesedaran sivik lebih mesra alam dan komuniti

DARI MUKA HADAPAN

ISMADI berkata pihaknya masih menunggu arahan selanjutnya daripada pihak KPKT susulan kenyataan tersebut sebelum perancangan selanjutnya dibuat bagi melaksanakan cadangan tersebut kerana ia memerlukan kos yang besar dan melibatkan banyak perkara termasuk komitmen persatuan penduduk dan warga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).



ISMADI

Terdahulu Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata bermula tahun ini, individu bakal memiliki rumah berstrata di bawah PPR perlu menghadiri kursus kesedaran sivik bagi memberi kesedaran, pemahaman dan tanggungjawab mengenai hidup berkomuniti dan adab kejiranan.

"Kesedaran sivik yang tinggi akan menjadikan komuniti tersebut lebih mesra alam dan mesra komuniti."

"Sebab itu mereka perlu hadir kursus kesedaran sivik kerana semua pihak perlu faham apabila kita menikmati kemudahan (disediakan di perumahan) ada juga tanggungjawabnya oleh penghuni. Oleh itu, sebelum ambil

kunci rumah kena hadir kursus," katanya dalam temu bual dengan Bernama baru-baru ini. PPR adalah program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan menuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah dan DBKL merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengurus dan menyelenggarakan kira-kira 87 PPR/PA di seluruh Kuala Lumpur.

DBKL turut mempunyai dua kategori iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki yang kedua-duanya menggunakan spesifikasi perancangan dan reka bentuk perumahan kos rendah ditetapkan dalam Standard Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (CIS2).

Terdapat banyak isu dikaitkan dengan masalah yang timbul di kawasan PPR seperti vandalisme, kebersihan, membuang sampah dari tingkat atas dan adab kejiranan.

Selain itu, turut dilaporkan dalam media tempatan mengenai satu kes melibatkan seorang remaja lelaki berusia 15 tahun maut selepas ditimpa sebuah kerusi dipercayai dicampak dari tingkat atas di Blok 102 PPR Seri Pantai, Pantai Dalam pada tahun 2018. WK

Pertimbang semula kebenaran Program Wilayah Bebas Berniaga - Persatuan Penjaja

PROGRAM Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang diperkenalkan sejak November 2020 bagi membolehkan orang awam berniaga secara kecil-kecilan di kawasan yang sesuai di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan perlu dipertimbangkan semula agar menepati matlamat sebenar.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman, berkata ini berikutan ada sebilangan peniaga dan penjaja mengambil kesempatan menjalankan perniagaan di lokasi yang tidak dibenarkan seperti di tepi jalan atau kaki lima sehingga menghalang lalu lintas.

"Ini sekali gus menyebabkan ketidakselesaan masyarakat setempat. Kami minta supaya sekiranya ada permohonan yang ingin berniaga di bawah WBB, hentikan dahulu dan tidak perlu dibuka lagi tawarannya.

"Kami terima banyak aduan di mana gerai diletakkan di kawasan kaki lima sehingga menyebabkan orang awam terpaksa lalu di jalan raya sekaligus merisikokan keselamatan masing-masing," katanya.

Rosli berkata WBB pada asalnya bertujuan untuk membantu mereka yang hilang pendapatan akibat pandemik COVID-19 dengan memberi mereka ruang berniaga secara percuma.

Bagaimanapun mengambil kira keadaan ekonomi yang semakin pulih, beliau berkata inisiatif itu perlu dikaji semula dengan menetapkan had tertentu apakah lagi selepas ada daka-waan peniaga dan penjaja mengambil



WBB pada asalnya bertujuan membantu mereka yang hilang pendapatan akibat pandemik COVID-19 dengan memberi mereka ruang berniaga secara percuma.

kesempatan.

"Daripada meluluskan lagi permohonan peniaga di bawah WBB, adalah lebih baik untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjaga kebijakan peniaga sedia ada yang semangnya menjadikan perniagaan sebagai punca pendapatan utama mereka," kata beliau.

Turut senada, Presiden Persatuan Usahawan Food Truck Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KLFTEA), Muhammad Azlan Abas yang mengakui terdapat kekeliruan dalam istilah bebas berniaga di bawah WBB.

"Istilah WBB yang dimaksudkan adalah berniaga di kawasan yang dibenarkan bukan kawasan pejalan kaki atau kaki lima. Bagaimana jika ada orang awam yang tercedera?

"Justeru bagi mengatasi lambakan penjaja dan peniaga ini, proses pemantauan dan penguatkuasaan

dari DBKL perlu dilaksanakan segera. Mungkin DBKL boleh mengadakan perbincangan dengan peniaga atau penjaja untuk menentukan lokasi yang sesuai agar tidak jadi seperti dahulu (berniaga di mana-mana sahaja)," katanya.

Pada masa sama, Muhammad Azlan berharap persatuan peniaga dapat diperkasa bagi membantu DBKL memantau penjaja dan peniaga supaya perniagaan dijalankan di lokasi yang lebih teratur.

"Kami bukanlah penguat kuasa tetapi elemen yang boleh membantu penguatkuasaan dan apabila ada pengiktirafan ini ia akan mengukuhkan keduduan persatuan di mata peniaga."

Contoh, persatuan boleh mengesyorkan kepada DBKL untuk membatalkan lesen sekitar peniaga atau penjaja tidak ikut peraturan," katanya. - BERNAMA

STAR teliti usaha tambah baik kelemahan digarisikan LKAN - KSN

SABRINA SABRE

PASUKAN Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) akan meneliti usaha menambah baik aspek kelemahan dan pembaziran wang yang didehdakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2, kata Ketua Setiausaha Negara, **Tan Sri Mohd Zuki Ali**.

"Kita akan teliti bersama laporan ketirisan dalam LKAN selain mencari jalan untuk perbaiki supaya jadi panduan pada masa akan datang agar perkara sama tidak berulang," katanya selepas merasmikan Hari Terbuka Putrajaya / *Putrajaya Open Day (POD) 2023* baru-baru ini.

Menurut LKAN yang dikeluaran pada 16 Februari lalu, secara keseluruhan pelaksanaan aktiviti, projek dan program kerajaan persekutuan telah dilaksanakan mengikut objektif ditetapkan namun masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan keberhasilan yang ditetapkan tidak tercapai sepenuhnya.



MOHD Zuki melawat reraui yang terdapat di Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj selepas merasmikan POD 2023.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 17 Januari lepas turut mengarahkan Jemaah Menteri supaya mengambil serius dan meneliti setiap teguran LKAN tentang soal perbelanjaan, ketirisan yang tidak menepati syarat serta

peraturan.

Ditanya mengenai STAR yang dipengerusikan oleh beliau, Mohd Zuki berkata perincian mengenainya akan diumumkan dalam masa terdekat.

Mohd Zuki sebelum ini di-

laporkan berkata STAR akan melihat, menilai dan menyediakan analisis idea-idea projek atau program berteraskan prinsip Madani iaitu kos rendah, berimpak tinggi serta boleh dilaksanakan dalam tempoh jangka masa pendek, sederhana dan tinggi.

Jelas beliau, STAR juga akan dibantu oleh sepasukan pemikir dan pasukan teknikal terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam yang dipilih untuk menjana idea dan meneliti isu atau permasalahan rakyat.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya, Mohd Zuki berkata Putrajaya merupakan model bagi Malaysia Madani khususnya dalam aspek perbandaran yang memajukan ciri-ciri kemampunan, kesejahteraan, berdaya cipta dan ihsan.

Menurutnya, Laporan Ketua Audit 2021 berkaitan pengurusan pembangunan Putrajaya turut memperakui pencapaian keberhasilan bandar tersebut yang mencapai objektif pembangunannya dalam aspek kemampunan bandar, kelestarian alam sekitar, bandar hijau

dan kesejahteraan komunitinya.

Tambahnya, Pihak Berkusa Tempatan Perbadanan Putrajaya (PPj) turut terlibat secara aktif dalam inisiatif 'Smart Putrajaya' yang selari dengan satu daripada tiga strategik Malaysia Madani iaitu 'Digitalisasi Perkhidmatan Rakyat', antara inisiatif *Smart Putrajaya* adalah *Smart Transportation and Mobility, Smart Community* dan *Smart Economy*.

Selain itu, Mohd Zuki berkata penganjuran POD 2023 anjuran PPj yang berlangsung selama empat hari bermula 2 hingga 5 Mac dengan konsep persefikatan antara agensi awam, swasta dan badan bukan kerajaan merupakan wadah bagi rakyat mendapatkan perkhidmatan kerajaan dalam satu kawasan berpusat.

"Pihak PPj turut menghimpunkan lebih 60 kementerian, jabatan serta agensi swasta dan korporat bagi menyampaikan maklumat terkini berkaitan perkhidmatan dan produk kepada orang awam, pemegang taruh dan rakan strategik," katanya. WK

JWP, agensi hantar bantuan pasca banjir ke Johor

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) bersama agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) telah menghantar Misi Bantuan Pasca Bencana Siri 1 di Segamat, Johor.

Pasukan JWP dan agensi akan berpusat di Dewan Serbaguna Taman Utama, Segamat Utara pada 8 hingga 10 Mac 2023.

Misi bantuan memfokuskan kerja-kerja pembersihan di kawasan Segamat Utara meliputi Buluh Kasap dan Batu Anam disertai oleh seramai 200 orang kakitangan JWP dan ketiga-tiga agensinya. Sebanyak 42 buah jentera telah memulakan perjalanan ke lokasi terjejas dengan kelengkapan pembersihan sebagai tanda perpaduan dalam memberikan bantuan pasca bencana.

Bagi menyertai misi ini, KESWIP dan PUSPANITA telah menghantar seramai 10 sukarelawan Siri 1 bagi mewakili JWP untuk bersama-sama turun padang bagi memastikan inisiatif bantuan pasca bencana ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Pelepasan misi bantuan pasca banjir telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JWP, Datuk Seri Rosida Jaafar bersama ketua-ketua agensi. WK



SEKITAR sesi Flag Off Misi Bantuan/Pasca Bencana Siri 1 yang diadakan di perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj) pada Rabulalau.

12 PBT pamer kepakaran seni bina landskap

AZLAN ZAMBRY

SEBANYAK 12 Pihak Berkusa Tempatan (PBT) seluruh negara termasuk dari Sarawak turut menyertai Kuala Lumpur Park Festival 2023 melalui slot khas Malaysian Art and Flora Gardens yang berlangsung dari 4 hingga 12 Mac ini di Taman Tasik Titiwangsa.

Pengarahan Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **LAR. Zulkifli Endut** berkata penyertaan itu melibatkan PBT daripada beberapa buah negeri seperti tiga dari Johor, empat Selangor, dua dari Melaka dan masing-masing satu dari Sarawak, Pahang dan Terengganu.

"Antara PBT dari Selangor yang terlibat adalah Majlis Bandaraya Shah Alam; Majlis Bandaraya Subang Jaya; Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Tiga dari Johor iaitu Majlis Bandaraya Iskandar Puteri; Majlis

Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

"Selain itu, turut menghantar penyertaan adalah dua dari Melaka iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis

Perbandaran Hang Tuah Jaya dan dari Sarawak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu termasuk Perbadanan Putrajaya (PPj)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Pratonton bersama media sempena KL Festival Park 2023 Jumaat lalu.

Tambah Zulkifli, laman ini merupakan pertunjukan reka bentuk 'Outdoor Living Space' oleh 12 PBT atau kerajaan negeri berdasarkan tumbuhan atau bunga rasmi bandar-bandar di Malaysia yang dipersembahkan dalam bentuk laman berunsur seni. WK



ZULKIFLI

YADIM sumbang RM100,000 bantu 200 keluarga asnaf

SABRINA SABRE


BAGI meluaskan lagi khidmat kemanusiaan, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) meneruskan inisiatif menyantuni 200 keluarga golongan asnaf untuk membantu meringankan beban mereka.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YADIM, **Zamri Zainal Abidin**, usaha melibatkan sejumlah 20 penunggang motosikal itu menyampaikan barang keperluan terus kepada 200 keluarga yang memerlukan.

"Pihak YADIM memperuntukkan sebanyak RM100,000 bagi semua barang tersebut untuk diedarkan termasuk kepada pengunjung yang hadir ke reraui kami."

"Mereka yang datang menerima sebanyak sembilan jenis barang keperluan dapur antaranya ialah minyak masak, beras, bawang, gula, tepung gandum dan susu," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, Zamri berkata para penghantar makanan tersebut adalah 'Sukarelawan YADIM Penghantar Makanan' yang terlibat setiap kali pihaknya menyantuni komuniti memerlukan di Putrajaya.



20 Sukarelawan YADIM Penghantar Makanan digerakkan untuk membantu menyampaikan barang keperluan dapur kepada komuniti memerlukan di Putrajaya semasa POD 2023.

"Ini bukanlah kali pertama YADIM bekerjasama dengan kumpulan penghantar makanan malah inisiatif sama telah dilaksanakan sebelum ini di Bangi, Kuala Lumpur, Pahang, Melaka dan beberapa lagi kawasan."

"Perkhidmatan seperti ini dilaksanakan buat golongan asnaf yang tidak dapat hadir untuk mengambil barang," tambah beliau.

Dalam pada itu, Zamri memaklumkan YADIM turut mengadakan Jualan Rahmah dalam Hari Terbuka

Putrajaya / Putrajaya Open Day (POD) 2023 yang menawarkan pelbagai jenis barang dapur seperti minyak, beras, bawang, gula, tepung, susu serta banyak lagi dengan potongan harga sehingga 30 peratus. **WK**

PASAR Malam@Lorong TAR dipindah ke Jalan TAR sepanjang Ramadan

PASAR Malam@Lorong TAR akan dipindahkan ke Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) pada setiap Sabtu sepanjang Ramadan bagi memberi laluan penganjuran Bazar Aidilfitri@Lorong TAR.

Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL) dalam kenyataan memaklumkan bahawa operasi pasar malam itu akan berlangsung pada tarikh 25 Mac, 1 April, 8 April dan 15 April ini.

"Ia bagi memberi laluan penganjuran Bazar Aidilfitri@

Lorong TAR bermula 29 Mac hingga 21 April 2023 yang akan beroperasi dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah malam," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, sebahagian Jalan TAR akan ditutup untuk

aktiviti pasar malam bermula dari persimpangan Jalan Esfahan sehingga ke persimpangan Jalan Melayu dan laluan trafik akan ditutup mulai pukul 12 tengah hari hingga 12 tengah malam.

Dalam pada itu, warga ko-

ta yang ingin ke Bazar Aidilfitri dan Pasar Malam serta kawasan sekitar Masjid India perlu merancang perjalanan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas serta digalakkan menggunakan pengangkutan awam. **WK**



Motosikal: Malaysia keempat di dunia

BERAPA ramai agaknya warga Wilayah Persekutuan (WP) yang menggunakan motosikal sebagai kenderaan sehari-hari, baik untuk pergi balik kerja atau urusan lain?

Rasanya jumlahnya memang ramai, terutama di bandar raya Kuala Lumpur. Malah ramai rakan dan kenalan kawan-kawan Kedai Kopi yang menggunakan motosikal walaupun ramai di antaranya memiliki kereta.

Namun mereka lebih suka menggunakan motosikal kerana mudah bergerak dalam kesesakan di ibu kota yang bertali arus dari pagi hingga ke malam.

Di negeri-negeri dan bandar lain juga kawan-kawan Kedai Kopi percaya ramai menggunakan motosikal dan barang kali ini yang meletakkan Malaysia pada tangga keempat penggunaan motosikal paling banyak di dunia.

Menurut kajian Pusat Penyelidikan Pew,

memiliki motosikal. Negara pertama paling banyak menggunakan motosikal ialah Thailand di mana 87 peratus daripada jumlah penduduknya mempunyai kenderaan dua roda itu.

Negara kedua ialah Vietnam (86 peratus). Indonesia berada pada tangga ketiga dengan 85 peratus daripada 300 juta penduduknya mempunyai motosikal.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, kedudukan Malaysia pada tangga keempat menyerlahkan betapa motosikal merupakan kaedah pengangkutan penting. Ini terutama bagi golongan yang masih belum mampu membeli kereta atau menjadikan motosikal sebagai pengangkutan tambahan.

Motosikal sekarang pun pelbagai jenis dengan setiap syarikat pengeluar bersaing mengeluarkan reka bentuk terkini untuk menarik pembeli. Harganya pula bergantung kepada jenis motosikal dan kuasa kuda.

Yang pasti harganya mencecah sehingga ribuan ringgit, bukan lagi ratusan ringgit seperti ketika zaman kawan-kawan Kedai Kopi kecil dahulu. Ketika itu dengan RM750 misalnya sudah boleh dapat motosikal baharu 65 kuasa kuda. Itu cerita tahun 60-an atau awal 70-an!

Apa pun, harapan kawan-kawan Kedai Kopi kepada rakan-rakan dan orang ramai

yang menggunakan motosikal, baik di Wilayah Persekutuan atau tempat lain, sentiasalah berhati-hati. Tungganglah motosikal dengan tertib dan mengikut peraturan jalan raya.

Jangan amalkan menunggang tidak senonoh kerana risikonya sangat tinggi. Motosikal ialah kenderaan untuk kemudahan bergerak ke sana sini bukan untuk berlumba atau menunjukkan kehebatan. Jangan sampai akhirnya sendiri yang rugi.

Menanti 'Dunia Melayu'

'DUNIA MELAYU'. Indah bunyinya dan tentu akan menjadi kebanggaan kaum Melayu sebagai satu khazanah warisan sangat berharga di negara ini.

Itu pun jika konsep Dunia Melayu, yang dicadangkan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim, menjadi kenyataan. Tokoh warisan dan budaya itu berpendapat Dunia Melayu perlu wujud sebagai pusat seni budaya Melayu di ibu negara.

Kawan-kawan Kedai Kopi melihat konsep Dunia Melayu ini kelak akan menjadi sinonim seperti Chinatown di Jalan Petaling dan Little India di Brickfields. Kedua-dua kawasan menjadi tumpuan pelancong.

Itulah juga harapan untuk Dunia Melayu

nanti kerana kaum Melayu belum ada kawasan yang boleh dianggap sebagai pusat kebudayaan bukan sahaja untuk menjadi warisan negara tetapi untuk tatapan pelancong luar.

Dengan adanya pusat ini mereka dapat menyaksikan sendiri seni budaya dan kehidupan kaum Melayu sejak berzaman tidak hanya bergantung kepada bahan bacaan.

Tentulah cukup sekadar menampilkan Kampung Baru, yang terkepung dengan pembangunan sekeliling untuk disuakan kepada pelancong setiap kali ingin melihat budaya dan kehidupan sejarah masyarakat Melayu.

Sebaliknya satu *venue* yang lebih tersusun dan inklusif mempamerkan seni budaya dan cara hidup kaum Melayu lebih realistik. Kerana itu bagi kawan-kawan Kedai Kopi cadangan Rais ini memang baik dan wajar direalisasikan segera.

Memetik Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, cadangan ini memerlukan kajian mendalam sebelum dimuktamad untuk dilaksanakan. Ini termasuk mencari kawasan sesuai sebagai lokasi serta kesan jangka panjang kepada persekitaran.

Harapan kawan-kawan Kedai Kopi ialah kajian ini tidak mengambil masa terlalu lama. Bimbang jika terlalu lama cadangan ini akan tersimpan dalam almari dan akhirnya dilupakan terus.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN
Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN
Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



SELAWAT & MUNAJAT PERDANA

UNTUK MALAYSIA

bersama
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

Mahabbah Rasulullah Asas Kejayaan Malaysia Madani

11 Mac 2023 bersamaan 18 Syaaban 1444H
(Sabtu)

7.00 malam - 11.00 malam

Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras



Saya, budu dan Kuala Lumpur



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

BUDU. Demikianlah satu benda baharu dalam hidup yang ditemukan ketika berada di perantauan pada awal tahun 1984. Sejak di kampung lagi memang pernah mendengar nama itu, tetapi tidak pernah menjamahnya. Budu tidak ada dalam kehidupan keluarga saya di utara.

Boleh dikatakan saya dan keluarga tidak pernah makan budu. Kami lebih suka ikan pekasam atau udang sungai yang juga diperam seperti budu. Semerbak baunya juga tidak kalah seperti budu. Teringat pekasam udang sungai membuatkan saya mahu segera kembali ke bingkai masa lalu di kampung halaman.

Saya tidak tahu dengan jelas sejarah budu di Perlis. Bagaimanapun ada yang berkata ia diperkenalkan oleh orang dari Kelantan yang datang mengambil upah menuai padi di Perlis. Pada dekad tahun 1970-an dan terawal, pekerja sawah terdiri daripada orang dari Kelantan dan selatan Thailand seperti Satun dan Patani.

Bagaimanapun budu tidak popular seperti di Pantai Timur. Kerap juga kawan-kawan arwah ayah dari Kuala Perlis datang menjual budu di kampung. Malangnya sambutannya sangat mengecewakan. Hal yang demikian barangkali disebabkan selera orang Perlis hanya pada pekasam dan kenas, tetapi tidak pada budu.

Kenas adalah isi sifit mentarang yang diperam tanpa dimasak. Apabila cukup masanya isi mentarang yang mentah itu dimakan dengan rencah-rencah penambah selera seperti bawang merah, cili api dan ulam daun janggut (gajus). Prosesnya lebih kurang seperti budu.

Ironinya saya menjadi penggemar budu yang tegar semasa merantau di Kuala Lumpur. Hal itu memang tidak terjangka sama sekali tambahan pula bukan mudah juga mendapatkan budu di ibu kota ketika itu. Saya terpengaruh dengan budu bukan di Kelantan tetapi di Kuala Lumpur.

Bermacam-macam jenis makanan dari seluruh dunia ada di Kuala Lumpur. Dulu pun sudah ada makanan Jepun, Korea, Itali dan sebagainya. Saya mencuba semuanya – setakat itu sahaja.



SEKALIPUN awalnya tujuan makan hanya sebagai alas perut akan tetapi tidak dapat menafikan yang budu itu sangat menyelerakan.

Banyak juga yang menepati selera, tetapi hidup menjadi payah kalau kita membeli gaya, bukan kehidupannya.

Barangkali nilai-nilai kampung yang saya bawa membuatkan tidak terperangkap dengan gaya hidup Kuala Lumpur – seperti dalam bab makanan. Dianggap kekampungan sedikit pun tidak memberi kesan, maka budu pun melekat pada selera saya.

Kisah budu berlaku pada satu malam dalam tahun 1984 di sebuah flat murah di Taman Cheras, Kuala Lumpur. Tidak ingat lagi tarikh kejadian dengan tepat kerana sudah jauh ditelan masa. Bagaimanapun bab budu itu tetap dalam ingatan. Barangkali itulah hasil ‘doktrin’ kawan serumah dari Kelantan yang sememangnya peminat budu tegar.

Di flat itu saya berkongsi dengan tiga wartawan muda Utusan Melayu – Wan Zulkifli Wan Yaacob, Zulkifli Ismail dan Idris Hamid. Ketika itu kami adalah wartawan baharu yang belum setahun di Kuala Lumpur. Masing-masing sentiasa diuji apabila tidak cukup duit hingga ke hujung bulan.

Kami datang dari negeri yang berbeza. Sudah tentu selera menikmati makanan pun berbeza. Saya dari Perlis, Zulkifli Ismail dari Kedah, Wan Zulkifli dari Kelantan dan Idris Hamid dari Johor.

Ketika itu usia kami sangat muda, Zulkifli dan Idris berusia 21 tahun sementara saya dan Wan Zulkifli berusia 24 tahun. Malah Kuala Lumpur menjadi destinasi perantauan yang pertama. Itulah juga detik mula mempelajari hidup

“Malah kota raya ini sangat toleran untuk kita memilih menjadi siapa. Nilai-nilai kampung tidak ada kena mengena dengan keberadaan kita asalkan tidak berhenti mempertajamkan pemikiran.

tanpa naungan keluarga.

Pada malam itu sejak dari dalam bas mini lagi perut berkeroncong. Saya kelaparan kerana tidak makan tengah hari seperti biasa. Duit hanya cukup untuk tambang bas mini pergi balik ke pejabat dan keluar membuat tugas. Seksanya menunggu hari gaji bagi yang bergaji kecil seperti kami.

Bersama-sama saya dalam bas mini malam itu adalah Zulkifli Ismail. Lapar yang bukan main-main, badan menggilir dan longlai. Walaupun kelaparan tidak ada apa yang hendak dimakan setelah sampai ke rumah sewa. Hanya nasi kosong. Susah tinggal di kampung tidak sesusah tinggal di bandar.

Setibanya kami berdua di muka pintu, Wan Zulkifli yang berkain pelikat dan singlet sedang berselera makan nasi. Hanya berlauk budu yang dicurah ke nasi. Di mata saya lihat itulah makanan yang paling menyelerakan berada di depan mata. Terlupa seketika yang saya tidak pernah makan budu.

Di hujung kepala lutut Wan

Zulkifli ada sebotol budu yang berlogo daun ketereh (gajus). Setiap kali dia balik kampung, budu ketereh tidak pernah ketinggalan. Sebelum itu hanya dia seorang sahaja yang makannya – kami yang tiga lagi tidak sentuh pun.

Kemudian Wan Zulkifli menuangkan budu di atas nasi dan menggaulnya. Dia perasan saya memerhati dan berpaling sambil tersenget. Saya berpaling ke arah Zulkifli yang tersandar di dinding seperti sedang merenung nasib di perantauan.

“Kalau ada ulam ketereh atau buah kerdas, seperiuk nasi pun habis ni,” kata Wan Zulkifli yang seperti tidak ada masalah ketika kami dalam kelaparan. Itulah kali pertama saya menjadi berselera melihat orang makan nasi berlauk budu. Semata-mata budu.

“Mu nak try mari la. Nasi banyak lagi,” ajakan itu bukan lagi ajak-ajak ayam. Dalam keadaan lapar, ajak apa sekalipun saya tidak peduli. Yang penting mengisi perut dan selepas itu barulah fikir pasal sedap atau tidak. Saya mengambil nasi dalam periuk letrik.

“Aku tau mu berdua tak pernah makan budu. Aku dah biasa. Makan tidak selalunya untuk tekak, kerap kali juga untuk perut. Untuk hidup,” kata Wan Zulkifli yang ala-alah berfalsafah. Memang itulah karakternya – suka berdrama. Malah kerap juga dia berdrama dengan Zulkifli hingga saya sendiri keliru apakah itu benar-benar atau hanya berdrama.

Malam itu saya mendapat satu pengalaman baharu menikmati budu. Sekalipun awalnya tujuan makan hanya sebagai alas

perut, akan tetapi tidak dapat menafikan yang budu itu sangat menyelerakan. Patutlah Wan Zulkifli tidak gusar sangat kalau tidak ada telur atau ikan kering. Dia sudah ada budu.

Sejak malam itu saya menjadi ‘buduwan’ yang setaraf dengan Wan Zulkifli dan orang Kelantan yang senama dengan budu. Saya sudah menjadi pesang Wan Zulkifli untuk menghabiskan budu yang dibawa dari Kelantan. Maka tentulah menjadi kelakar apabila ada orang Kelantan yang baru datang di Kuala Lumpur mengaku tidak suka budu.

Sesetengah daripadanya memang benar-benar tidak suka budu tetapi tidak kurang juga untuk menjaga prestij. Kalau mereka itu nampak saya yang ekstrem makan budu, pasti akan menyesal kerana berpura-pura tidak suka budu.

Malah mereka tentu terkejut beruk kala tahu yang saya kenal budu semasa mula hidup di Kuala Lumpur. Malah kota raya ini sangat toleran untuk kita memilih menjadi siapa. Nilai-nilai kampung tidak ada kena mengena dengan keberadaan kita asalkan tidak berhenti mempertajamkan pemikiran.

Sajak

WAJAH KOTA: BERIKAN KAMI CINTA PERADABAN

Kehidupan biar santun rukun sebaiknya biar elok tata adab hati diri tidak sesekali biadab.

Wajah kota, berikan kami cinta peradaban, berdaya maju di bawah payung ilmu.

Wajah kota, menyusun sopan terbaik cantik, tatacara kota membangun di rumah kehidupan.

Wajah kota menyusun rukun kebaikan mesra ramah dan susila bahasa bicara santun menyusun tertib.

Membangun jernih kasih tamadun sejak dulu lama berkurni seindah cantik akal budi.

Wajah kota, berikan kami cinta kasih peradaban sebaik-baik setenang kehidupan.

AMIMASRA
Dataran Merdeka, KL.

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Kawal pembangunan Wangsa Maju

SEBELUM awal tahun 1980-an, Wangsa Maju hanya sebuah ladang getah di Setapak dikenali sebagai Ladang Hawthornden, sebuah kawasan sunyi terpencil yang bersempadan dengan Hulu Kelang, Selangor. Ladang ini beroperasi dari tahun 1900-an hingga awal 1980-an.

Tiada apa yang menarik di sini ketika itu kecuali ladang getah yang menghijau daunnya dan tegap batangnya, kerap menjadi destinasi pelancong luar yang ingin melihat pokok getah atau cara menoreh pokok getah.

Adi faham kenapa pelancong berminat dengan pokok getah. Maklumlah pada era itu Malaysia ialah negara pengeluar dan pengekspor utama getah asli dunia. Pemandu pelancong tidak akan terlepas membawa rombongan mereka ke ladang getah ini.

Laluan ketika itu juga sempit. Hanya ada jalan dua lorong dari Kuala Lumpur melalui ladang ini menuju ke Hulu Kelang dan seterusnya ke Ampang. Ia juga laluan ke Zoo Negara. Ada yang menganggap kawasan ini tempat 'jin bertendang'.

Namun arus pembangunan membawa perubahan besar kepada Wangsa Maju dan kawasan sekitar, termasuk Hulu Kelang. Jalan sudah lebar, menjadi lebuh raya Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

Ladang getah terpencil dahulu kini sudah tiada. Hanya ada beberapa batang pokok dibiarkan hidup bagi hiasan, antaranya di samping jalan utama Wangsa Maju—Hulu Kelang untuk tatapan dan kenangan generasi masa kini. Juga untuk pelancong luar yang ingin melihat rupa pokok getah yang pernah menjadi sumber ekonomi negara.

Ladang getah telah bertukar menjadi kawasan penempatan serba maju laksana kota metropolitan. Tahukah pembaca *Wilayahku* bahawa Wangsa Maju kini adalah penempatan yang



PERLU ada kawalan dan penyelaras pembangunan di Wangsa Maju untuk menjadikan ia lebih terancang dan mengelakkannya menjadi penempatan sesak.

mempunyai kedudukan penduduk paling tinggi bukan sahaja di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur tetapi seluruh negara.

Ertinya bukan bandar raya besar seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Shah Alam atau Johor Bahru yang mempunyai kedudukan penduduk tertinggi, tetapi sebuah penempatan di pinggir ibu kota.

Data ini didapati daripada Jabatan Perangkaan. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, seperti dilapor media baru-baru ini, penduduk Wangsa Maju berjumlah 13,224 orang bagi setiap kilometer persegi.

Ini diikuti oleh Pandan, Selangor yang mempunyai kedudukan penduduk 11,422 orang setiap kilometer persegi. Seterusnya ialah Jelutong, Pulau Pinang dengan 11,361 orang setiap kilometer persegi.

Jika mengambil kira kedudukan

Wangsa Maju dahulu, Adi percaya ramai dapat melihat transformasi yang dilalui sejak pembukaannya. Penempatan tersebut telah melalui proses perubahan pantas. Kawasan berkenaan ibarat bandar di dalam bandar, lengkap dengan segala kemudahan.

Rumah-rumah kediaman, baik di atas tanah (*landed*), kondo atau flat memenuhi ruang. Juga ada kemudahan kesihatan, membeli-belah, pejabat kerajaan dan swasta, Hospital Tentera, perbankan dan pelbagai lagi demi memenuhi keperluan penduduk.

Satu lagi kemudahan penting di Wangsa Maju ialah sistem pengangkutan awam yang baik khususnya Aliran Transit Ringan (LRT). Ia memudahkan pergerakan orang ramai ke destinasi tertentu tanpa perlu memikirkan untuk berkenderaan sendiri.

Adi difahamkan, tahun hadapan pembinaan sistem Aliran Transit Massa 3 (MRT3) dijangka dimulakan. Projek ini merupakan pelengkap kepada sistem MRT bagi Wangsa Maju dan sekitarnya.

Apa yang dilihat hari ini segalanya bermula pada 1984 apabila penempatan baru Wangsa Maju ditubuhkan secara rasmi. Perasmian dilakukan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Bagaimana nama Wangsa Maju dicipta? Ia sebenarnya adalah singkatan nama 'Bandar Baru Titiwangsa Maju'.

Wangsa Maju dibangunkan melalui konsep pembangunan bandar baharu secara usaha sama antara kerajaan dan swasta. Projek ini diusahakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan dilaksanakan oleh Pemimpin Bandar Rendah Karbon agar penduduknya dapat menghirup udara lebih bersih dan segar.

Sejak bermula sehingga sekarang, Wangsa Maju

tidak menoleh ke belakang. Pembangunan berterusan, jumlah penduduk kian ramai. Mereka suka tinggal di kawasan luar ibu kota tetapi kondisif dan menyediakan segala kemudahan diperlukan.

Beberapa tahun akan datang, pada pandangan Adi, pembangunan Wangsa Maju akan lebih rancak dan jumlah penduduk semakin bertambah. Dengan itu tentu sahaja kepadatan penduduk bagi setiap kilometer persegi turut bertambah.

Sementara pembangunan dialukan, Adi berpendapat, perlu ada kawalan dan penyelaras pembangunan di Wangsa Maju untuk menjadikan ia lebih terancang. Diharap langkah ini dapat mengelakkan ia menjadi penempatan sesak.

Adi percaya ramai warga Wangsa Maju selesa dan damai tinggal di situ. Namun jika keadaan tidak dikawal ia boleh menjadi padat bukan sahaja dengan penduduk tetapi juga dengan bangunan-bangunan pejabat atau pusat beli-belah.

Apabila sudah semakin sesak, pergerakan juga bertambah sukar. Kesesakan lalu lintas berlaku di sana sini. Akhirnya akan menjadikan Wangsa Maju sama sahaja dengan ibu kota atau bandar besar lain yang menghadapi kesesakan lalu lintas hampir sepanjang masa.

Tentunya ini akan juga menyebabkan peningkatan pencemaran udara. Ini amat tidak sesuai dengan kedudukan Wangsa Maju sebagai perintis bandar rendah karbon agar penduduknya dapat menghirup udara lebih bersih dan segar.

Mungkin DBKL dapat mengawal dari segi pembinaan

projek perumahan dan bangunan dengan tidak memberi kebenaran sewenang-wenangnya. Perkara utama ialah mengambil kira adakah pembinaan itu benar-benar perlu. Di samping itu memastikan pembinaan tidak dijalankan di kawasan yang memang sudah berkepadatan tinggi.

Adi setuju dengan hakikat bahawa apabila pembangunan Wangsa Maju digerakkan pada 1984, matlamatnya ialah mewujudkan kawasan perbandaran baharu serba moden. Boleh dikatakan matlamat ini sudah hampir dicapai.

Dengan kedudukannya berjiran dengan Hulu Kelang, Selangor, yang juga rancak membangun, Wangsa Maju menjadi lokasi strategik untuk didiami oleh rakyat Selangor juga.

Ini memandangkan wujudnya pebagai industri seperti elektronik dan farmaseutikal di Hulu Kelang. Kedudukan industri pula berhampiran dengan Wangsa Maju. Justeru tentulah bersesuaian sekali jika tinggal di Wangsa Maju, kerja di Hulu Kelang.

Namun perkara inilah yang perlu diawasi. Jangan sampai kebanjiran penduduk menyebabkan kawasan yang selesa, tenang dan damai menjadi kawasan sesak yang sudah tidak menarik lagi untuk diduduki.

Adi percaya pihak berkuasa, khususnya DBKL juga memberi perhatian serius terhadap isu ini. Janganlah apa yang dibangunkan selama ini akhirnya boleh menyusahkan kita sendiri.

Adi—Majulah Wangsa Maju!

Adi Taah

Sajak

SIHIR MURBA

*Tanpa perlu
sekapur sirih jampi
apakah niat masih berbekas
tampuk cita sudah dicantas?*

*Datanglah ke sini
kita menggandakan usaha
ini lah sihir murba
cita yang padam
kembali menyala
memberikan kau
kilauan cahaya*

*Usah lagi berjiwa gundah
teguhan kekuda kudrat
hajat di kalbu kembalikan tekad
setelah melalui alergi
dengki dan hasad!*

ISMAIL HASHIM
*Warisan Puteri,
Negeri Sembilan.*



Bantuan Khas YWP

Jejaki insan memerlukan di ibu kota

HAZIRAH HALIM

“SYUKUR alhamdulillah, terima kasih Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kerana meringankan beban dan membantu keluarga kecil saya menanggung kos perubatan serta apa-apa keperluan lain,” ujar Mohd Zahari Zakaria, 59, yang merupakan penerima sumbangan Bantuan Khas YWP pertama bagi tahun ini.

Bersyukur dengan bantuan yang diterima, dia kini mengakui terpaksa meminta bantuan isterinya untuk bergerak selain turut menjaga keperluan harian dan mengambil alih perniagaan kecil-kecilan di hadapan rumah semenjak dia hilang upaya untuk berjalan pada November tahun lalu.

“Pada 9 November 2022, saya tergelincir dan jatuh tangga di ruang hadapan rumah. Saya telah dibawa ke wad kecemasan, Hospital



ZAHARI (kiri) menerima sumbangan wang tunai daripada YWP di rumahnya, Jalan Raja Ali, Kampung Baru pada Rabu lalu.

Kuala Lumpur (HKL) untuk menerima rawatan dan disebabkan itu, kaki saya telah dimasukkan besi kerana patah paha kanan dan perlu menggunakan alat bantuan kerusi roda atau tongkat untuk bergerak.

“Ketika itu, doktor menasihatkan saya untuk melakukan pembedahan memasukkan besi dengan

segera. Oleh itu, kami memerlukan RM2,200 untuk membayar kos tersebut namun saya tiada sebarang caruman Perkeso atau insurans kerana bekerja sebagai peniaga kecil, jadi saya terpaksa meminjam wang daripada adik-beradik,” katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Tambahnya, susulan daripada

kejadian itu juga, hampir sebulan Zahari sukar bergerak, tidak boleh memijak lantai dan hanya 10 peratus sahaja kekuatan dimiliki untuk berdiri dalam tempoh yang lama.

Zahari berkata untuk membantu memulihkan kembali kesakitan yang dialami, dia perlu melakukan sesi fisioterapi sebanyak dua minggu sekali pada setiap bulan di Bahagian Ortopedik dan Traumatologi, HKL untuk sesi pemulihan dan melihat pergerakan tulang kaki.

“Alhamdulillah, sejak melakukan sesi fisioterapi dan rawatan di HKL, saya boleh duduk di kerusi roda dan sudah mampu untuk berjalan perlahan-lahan dengan menggunakan tongkat walaupun hanya seketika.

“Saya bersyukur kerana semenjak sakit, isterilah yang banyak membantu menjaga makan dan minum namun tetap rasa bersalah kerana dia terpaksa membahagikan

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

masa untuk berniaga dan menjaga saya,” ujarnya pendapatan keluarganya hanya bergantung pada hasil meniaga pelbagai jenis makanan di hadapan rumah seperti nasi ayam penyet, bakso dan sebagainya. **WK**

Anugerah Artis Muda Faber-Castell semai rasa cinta akan alam sekitar

SYARIKAT pengeluar alat tulis terkemuka dari negara Jerman, Faber-Castell telah mengajurkan Anugerah Artis Muda Faber-Castell bagi meraih hasil-hasil kreativiti kanak-kanak menerusi Pertandingan Mewarna di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Anugerah ini meraikan kemenangan dua pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina (C) yang telah dinobatkan sebagai pemenang kategori A (5 hingga 8 tahun) dan 9 hingga 12 tahun bagi kategori B dalam pertandingan mewarna paling berprestij dan terkemuka edisi kedua yang bertemakan ‘A Greener Nature, A Better Future’.

Pengarah Urusan Faber-Castell Malaysia, Andrew Woon berkata pelajar dari SJK (C) Chio Min A yang juga merupakan peserta Anugerah Seniman

Muda kali kedua, Lee Hao Xuan telah dinobatkan sebagai pemenang utama kategori A manakala Kaden Yap Kai Tehn dari SJK (C) Yuk Chai pula diumumkan pemenang utama kategori B.

“Pemenang utama termasuk 10 pelajar terbaik bagi kedua-dua kategori menerima hadiah lumayan termasuk wang tunai, trofi, hamper produk serta sijil penyertaan,” jelasnya dalam satu kenyataan.

Mengulas mengenai program, Andrew berkata sepanjang program tersebut para peserta telah dibimbing, diberi inspirasi dan dilengkapi dengan pengetahuan tutorial, bahan serta kemahiran kreatif yang utama dalam seni seperti adunan, percikan, garis besar dan sapuan berus oleh pakar-pakar seni. **WK**

“Segala tunjuk ajar itu diberikan dalam satu Siri ‘masterclass’ mini dengan berpandukan silibus pembelajaran holistik.

“Para peserta juga berpeluang menyertai lawatan ke Aquaria KLCC bagi menyemarakkan inspirasi dan kreativiti mereka. Dengan itu, mereka memperkenalkan teknik-teknik tersebut dalam pertandingan Anugerah Artis Muda merentasi pelbagai topik kelestarian,” ujarnya.

Terdahulu, Anugerah Artis Muda Faber-Castell 2022 telah menerima lebih 20,000 penyertaan dalam kalangan pelajar sekolah dan ia diilhamkan untuk memperkasa anak-anak muda mengorak langkah ke arah memelihara bumi di samping menyemai rasa cinta terhadap alam sekitar.



ANDREW Woon (tengah) bergambar bersama Lee Hao Xuan (kiri) dan Kayden Yap Kai Tehn (kanan) pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Artis Muda Faber-Castell baru-baru ini.

Terhimpit bayar rumah, SPWP sedia berunding

PANDEMIK COVID-19 yang melanda negara pada tiga tahun lalu membuatkan ramai pihak yang kehilangan punca pendapatan.

Memahami kesukaran hidup rakyat saat ini, Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) yang juga merupakan anak syarikat milik Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sedia membantu peminjam di bawah skim SPWP untuk membayar ansuran pinjaman.

Menurut Penolong Pengurus Kawalan Kredit SPWP, Siti Hasanah Hussein, 38, terdapat sesetengah pembeli rumah yang tidak melakukan bayaran balik pinjaman secara ansuran yang telah ditetapkan dan ia menjadi lebih teruk apabila negara dilanda

pandemik.

“Ramai antara mereka yang kehilangan kerja dan punca pendapatan. Ini disebabkan banyak syarikat terpaksa gulung tikar dan mengurangkan kos operasi dengan membuang pekerja.

“Jadi, inilah antara punca sesetengah pembeli tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan rumah kerana mereka perlu mengutamakan soal makanan serta perbelanjaan harian keluarga,” ujarnya yang berpengalaman selama sembilan tahun bekerja di SPWP.

Hasanah berkata pihaknya tidak dapat menghulurkan bantuan atau khidmat nasihat jika rakyat sendiri enggan tampil bertemu dengan pihak SPWP.

“Ingin saya ingatkan pihak



SITI Hasanah (tiga dari kiri) pada acara penyampaian wang saguhati pemindahan dari PPR Seri Labuan ke Razakmas 2.

SPWP sentiasa berlapang dada dan akan melakukan yang terbaik untuk membantu mereka (penyejahtera) yang memerlukan.

“Misalnya jika ada yang kehilangan pekerjaan, kami boleh usahakan meminta bantuan daripada Baitulmal. Kalau lumpuh, kita akan pertimbangkan dan me-

lihat perlindungan insuran yang mereka ada.

“Jika ada yang masih bekerja tetapi sukar membuat pembayaran kerana gaji kecil, tidak mengapa. Datanglah bertemu kami dan boleh membuat pembayaran mengikut kemampuan anda,” tambahnya. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN



PIMRK KL 2030 terajui langkah Kuala Lumpur neutral karbon



PERUBAHAN iklim telah menjadi pancaman terbesar dalam sejarah kesihatan manusia, ekonomi dan alam sekitar. Oleh kerana kesedaran dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pemanasan global serta kesannya, penerapan daripada masyarakat rendah karbon juga telah menarik perhatian seluruh dunia.

Perubahan iklim ini juga secara langsung memberi kesan kepada seluruh dunia dengan keadaan cuaca melampau seperti

kemarau, gelombang haba, hujan lebat, banjir dan tanah runtuh yang semakin kerap termasuk di Malaysia sekali gus menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap aras air laut, pengasidan laut dan kehilangan biokepelbagaiaan.

Bagi bandar raya dan kawasan perbandaran yang membangun dengan pantas, inisiatif ke arah penyahkarbonan dari pembangunan dan aktiviti ekonominya adalah sangat penting. Justeru, pemanasan global dan perubahan iklim memberi

cabaran baharu kepada negara, bandar raya dan wilayah untuk memacu semula laluan ke arah memastikan pertumbuhan secara berterusan dan pada masa yang sama menyumbang kepada usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Sehingga kini, kebanyakan bandar raya telah komited secara global untuk mencapai neutral iklim menjelang 2050 atau lebih awal seperti Copenhagen, London, Tokyo, Helsinki dan Glasgow dan secara tidak sedar senarai tersebut semakin bertambah.

Seiring pembangunan melalui pertumbuhan rendah karbon yang ditekankan oleh Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030), Kuala Lumpur berhasrat untuk menerajui laluan tersebut dalam kalangan bandar raya membangun secara pantas ke arah mencapai neutral karbon menjelang 2050.

SAMBUNGAN DI MUKA 10

Peranan DBKL ke arah pembangunan bandar rendah karbon



HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

IBU kota Kuala Lumpur merupakan sebuah pusat ekonomi dalam Wilayah Persekutuan yang terbesar di Malaysia merangkumi kawasan seluas 242.2 km dan jumlah penduduk yang dianggarkan sebanyak 1.98 juta pada tahun 2030.

Kuala Lumpur kini sedang dirancang dan diposisikan dengan baik berhubung peralihan kepada neutral karbon menjelang 2050 sekali gus menjadi bandar raya utama yang akan mendorong Malaysia serta bandar raya Asia membangun yang lain untuk mencapai matlamatnya.

Menerusi Pelan Induk Masyarakat

Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030), ia telah meletakkan Kuala Lumpur di atas satu trajektori untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 70 peratus menjelang 2030 selain turut menyediakan rangka kerja dasar yang kukuh untuk menyahkarbonkan pelan pembangunan berkanan seperti Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) dan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (KLCP 2020).

Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 juga telah mengenal pasti Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon (PPNK) Wangsa Maju yang meliputi kawasan seluas 2,649.20 ekar dan bertempat di bahagian utara Zon Strategik adalah sebuah pusat pertumbuhan utama.

Sejajar dengan hasratnya, maka usaha untuk meneroka peluang

pertumbuhan mampan, inovatif, hijau dan pintar untuk mentransformasi PPNK Wangsa Maju daripada fungsi kediaman dan pusat pembangunan menjadi bandar yang berkembang maju serta bandar raya neutral karbon pertama di Malaysia.

Menurut laporan yang diperincikan DBKL di dalam buku Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa Maju, PPNK Wangsa Maju ini akan berperanan sebagai pusat perintis utama untuk menerajui lima zon strategik yang lain di Kuala Lumpur termasuk bandar-bandar di Malaysia untuk beralih secara progresif kepada neutral karbon menjelang 2050.

Melalui Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), satu Pelan Tindakan Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon Wangsa

Maju 2050 telah disediakan dengan berpandukan dua objektif utama selain turut menggariskan lima sektor utama merangkumi 20 inisiatif untuk menerajui zon ke arah neutral karbon menjelang 2050 antaranya tenaga, pengangkutan, sisa, hijau dan komuniti.

Setiap sektor ini mempunyai perincian tersendiri, digariskan serta digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti inisiatif atau projek yang sesuai dan boleh dilaksanakan di Wangsa Maju.

Secara keseluruhannya, laporan ini membincangkan butiran teknikal setiap inisiatif untuk memastikan projek tersebut boleh dilaksanakan di PPNK Wangsa Maju 2050. Lawatan tapak dan keterlibatan daripada



komuniti dan pihak berkepentingan termasuklah kerjasama dengan rakan-rakan strategik utama amat membantu kajian ini terutama dalam mengenal pasti sektor utama bagi inisiatif yang dicadangkan.

Lembah Klang realisasi impian negara ke arah Bandar Raya Rendah Karbon

MATLAMAT utama bandar raya rendah karbon adalah untuk memelihara kesihatan persekitaran agar mampu menampung ketamadunan manusia dalam ekosistemnya selain memperkasa ekonomi, mengurangkan kemiskinan tegar di bandar raya serta memperkasa kesejahteraan hidup masyarakat di Malaysia.

Pelbagai polisi dan perancangan juga telah disediakan oleh Pihak Berkua Tempatan (PBT) bagi merealisasikan impian Malaysia untuk menjadi sebuah bandar raya rendah karbon menjelang 2050 selain memastikan kelestarian alam sekitar khususnya di kawasan Lembah Klang di mana mempunyai kepadatan penduduk dan pembangunan perindustrian yang tinggi.

Justeru, bagi meneroka prospek kawasan Lembah Klang ke arah bandar raya rendah karbon, satu kajian penyelidikan daripada perspektif akademik telah dilakukan di kawasan tersebut oleh beberapa pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seperti Nurizatul Ain Zahari; Raja M.Zuha; Loong Chuen Lee; Muhammad Hasamizi Mustapa; Hukil Sino dan turut melibatkan penyelidikan bersama beberapa pelajar tahun akhir Jurusan Sains Alam Sekitar, UKM.

Kajian tersebut menjelaskan Lembah Klang dipilih sebagai lokasi tumpuan penyelidikan kerana kawasan yang terletak di tengah-tengah negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini merupakan sebuah bandar pembangunan yang pesat dan aktif selain mempunyai populasi penduduk yang ramai iaitu di antara 2,376 hingga 5,317 orang.

Berdasarkan kajian, penyelidik terlebih dahulu telah mengenal pasti beberapa definisi mengenai Bandaraya Rendah Karbon di mana ada



berpandangan bahawa bandar raya rendah karbon menggambarkan usaha oleh kebanyakan pentadbir bandar raya sebagai kerangka rancangan penyelesaian yang tepat untuk mengatasi kadar emisi karbon.

"Walau bagaimanapun, penyelidik Jim Skea dan Shuzo Nishioka daripada Jepun mentakrifkan bahawa masyarakat rendah karbon hendaklah merangkumi perspektif dan keperluan masyarakat di pelbagai peringkat pembangunan namun terdapat juga yang mengatakan masyarakat seperti orang awam, golongan industri, organisasi bukan kerajaan dan kerajaan dirujuk sebagai pemegang taruh emisi karbon yang mempunyai kesedaran untuk mengubah tingkah laku terhadap penggunaan jimat tenaga bukan

sahaja di rumah malah pengangkutan awam sekali gus memupuk kesedaran diri terhadap amalan penjagaan alam sekitar," jelas penyelidikan tersebut.

Selain itu, penyelidik turut mengenal pasti bahawa beberapa responden berpendapat antara faktor-faktor atau kriteria emisi karbon di kawasan Lembah Klang terjadi disebabkan oleh pelepasan asap kendaraan bermotor selain padat sebagai sebuah bandar raya yang mempunyai pelbagai pembangunan sektor perindustrian sekali gus menjadi penyumbang kepada emisi karbon yang tinggi ekoran penggunaan bahan api fosil sebagai sumber tenaga untuk proses penghasilan produk di kebanyakan kilang.

"Menurut kajian daripada Siti Zawiyah pada 2010, punca utama

pencemaran udara di Malaysia terutama di kawasan bandar adalah disebabkan penggunaan kendaraan bermotor yang terlalu banyak di jalan raya, perindustrian dan loji janakuasa serta aktiviti pembakaran terbuka.

Selain itu, Mastura dan Nur Huraizah (2009) turut menyatakan bahawa pembebasan gas berbahaya daripada aktiviti perindustrian disebabkan oleh penggunaan tenaga elektrik secara berlebihan juga menjadi punca utama pencemaran udara berlaku.

"Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang mempunyai kesedaran dan telah melakukan langkah-langkah penjimat tenaga elektrik dengan menggunakan tenaga solar sebagai tenaga alternatif. Keadaan

ini menunjukkan kesedaran masyarakat tentang amalan aktiviti kitar semula dalam kehidupan sehari-hari," katanya.

Pandangan tersebut juga mendapat perhatian pengkaji Mastura dan Iza Hadila (2010) dan berpendapat bahawa kendaraan bermotor seperti bas, kereta, motorsikal serta teksi menggunakan bahan api fosil yang akan membebaskan bahan pencemar udara sekali gus akan menjadikan kualiti udara di kawasan tersebut.

"Jika kurang penggunaan kendaraan bermotor, maka kadar emisi karbon juga akan berkurang. Amalan penggunaan pengangkutan awam juga perlu digalakkan supaya amalan tersebut menjadi budaya terutama di kawasan yang mempunyai kemudahan tersebut," katanya.

Sementara itu, Menurut Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, kerajaan telah menyediakan pelbagai pengangkutan awam yang berasaskan rel seperti Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, Express Rail Link (ERL) dan komuter KTM serta beberapa perkhidmatan lain seperti bas dan teksi.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar berusaha untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon daripada kendaraan persendirian dengan memperbanyak pemilihan pengangkutan awam dan masyarakat menunjukkan penyertaan yang sangat memberangsangkan dengan menggunakan medium tersebut sebaik mungkin.

"Secara kesimpulannya, penyelidik merumuskan bahawa responden optimis bahawa masyarakat di kawasan Lembah Klang mempunyai persepsi yang baik terhadap usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar emisi karbon.

"Mereka juga berpandangan masyarakat mempunyai kesedarian, kesedaran dan amalan untuk menyokong iltizam ke arah bandar raya rendah karbon serta komited untuk menjayakan hasrat tersebut. Secara amnya, prospek Lembah Klang untuk mencapai matlamat bandar raya rendah karbon dari aspek persepsi, kesedarian dan limitasi penyertaan masyarakat adalah sangat berpotensi," jelasnya.

Wangsa Maju bandar perintis rendah karbon negara



SEJAJAR dengan hasrat kerajaan mahu menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar pintar menjelang 2030, pelbagai inisiatif telah dirangka dan antara salah satunya adalah menjadikan Wangsa Maju sebagai bandar perintis rendah karbon pertama di Malaysia.

Menerusi projek perintis yang diterajui oleh Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Wangsa Maju dikenal pasti sebagai kawasan perintis bagi pelaksanaan projek teknologi hijau untuk menangani isu perubahan iklim.

Memetik kenyataan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** yang pernah disiarkan

Wilayahku, Wangsa Maju akan dijadikan kawasan projek ujiannya untuk mendorong penyertaan aktif dari pihak berkepentingan termasuk penduduk dan perniagaan swasta.

"Wangsa Maju merupakan sebuah bandar di tengah ibu kota Kuala Lumpur yang telah ditubuhkan pada tahun 1980-an dan mempunyai pelbagai seksyen perumahan antaranya seksyen 1,2,3,4,5,6 dan 10 malah ia juga dipilih kerana merupakan salah satu kota terbesar di Kuala Lumpur dan terancang baik dengan pusat pertumbuhan baru.

"DBKL kini sedang mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berminat untuk bekerjasama dengan Pihak Berkusa-

Tempatan (PBT) dalam mengubah Wangsa Maju menjadi model bandar bebas karbon," jelasnya.

Menurut Mahadi, terdapat pelbagai rancangan untuk melestarikan kawasan Wangsa Maju sebagai bandar berteknologi hijau antaranya membina rangkaian laluan pejalan kaki, trek jogging dan laluan basikal, membina taman rekreasi dengan tanaman pokok-pokok di



MAHADI



MOHAMED HALIM

sepanjang jalan bahkan menggunakan tenaga solar bagi membantu mengurangkan penggunaan elektrik di Wangsa Maju.

Dalam pada itu, cadangan DBKL mahu menjadikan Wangsa Maju sebagai bandar berteknologi hijau pertama di negara ini ternyata disambut baik oleh majoriti penduduk sekitar Wangsa Maju dan bagi mereka, 'bandar hijau' perlu diwujudkan seiring dengan pembangunan pencakar langit.

Mohamed Halim Mohamed Idris, 55, berkata pelaksanaan bandar teknologi hijau di bandar kota membangun itu adalah langkah terbaik namun pihak berkuasa perlu menyelenggara dahulu kawasan sekeliling supaya lebih cantik dan baik.

"Pembinaan kawasan hijau ini juga dapat mendidik penduduk setempat untuk mengamalkan cara hidup yang lebih sihat melalui penambahbaikan yang bakal dilaksanakan. Saya berharap DBKL dapat melaksanakan projek berkenaan dengan jayanya agar Wangsa Maju dapat membangun sebagai sebuah bandar berteknologi hijau dan bandar rendah karbon sekali gus menjadi contoh kepada negara luar," katanya. **WK**

MALAYSIA MADANI

SERTAI KAMI

Expo & Forum Kerjaya Untuk Belia

*E-Sijil akan di sediakan (peserta forum sahaja)

SEGMENT KHAS
DIALOG ANAK MUDA

TEMU ANWAR

19 MAC 2023, AHAD

DEWAN 6 & 7, KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

3:00 PM

MASUK PERCUMA

+6011-2611 7168
admin@mindsformalaysia.com
www.mindsformalaysia.com

YOUTH EMPOWERMENT FAIR 2023

18 & 19 MARCH

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

MELAKAR masa DEPAN

KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN

yef2023 myyef2023 yef2023

Sekretariat: YAYASAN GOSTRONG MALAYSIA MINDS MALAYSIA

Rakan Pengajar: a/c



POD 2023 tarik lebih 200,000 pengunjung

FOTO: SYUQQREE & FARIS AZMI (PPj)

SYUQQREE MOHD DAIN

PROGRAM Hari Terbuka Putrajaya / Putrajaya Open Day (POD) 2023 yang melabuhkan tirainya pada Ahad lalu mendapat sambutan menggalakkan apabila merekodkan lebih 200,000 orang pengunjung sepanjang tempoh empat hari penganjurannya.

POD 2023 yang diadakan bersempena ulang tahun penubuhan Perbadanan Putrajaya (PPj) ke-27 itu telah berlangsung dengan meriah di Kompleks PPj dan Dataran Putrajaya, Presint 3 pada 2 hingga 5 Mac 2023.

Tarikan utama penganjuran POD pada tahun ini adalah sebanyak lebih 60 kaunter perkhidmatan agensi awam, swasta dan korporat dihimpunkan serta pelbagai pengisian menarik telah berlangsung termasuklah cabutan bertuah, pameran Putrajaya Animal Lovers Fiesta (PALoF), Program Kayuhan dan Langkah Ceria Putrajaya.

Selain itu 114 bazar jualan turut disediakan untuk pengunjung membeli pelbagai jenis barang. **WK**





PELBAGAI aktiviti menarik seperti sukanaka tradisional & OKU, tarian zumba dan pertandingan dekorasi kek telah diadakan sempena Program Santai @ Kuala Lumpur Me & My City anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, (DBKL) berlangsung selama dua hari dari 25 hingga 26 Februari bertempat di Dataran Merdeka. Foto: CHONG WOON SONG / JKPS Fotografi



ANTARA aksi dan gelagat peserta Cabaran Joran Kuala Lumpur 2023 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, (DBKL) yang berlangsung di Taman Tasik Ampang Hilir, Kuala Lumpur pada 19 Februari lalu. Foto: CHONG WOON SONG / JKPS Fotografi



Taiwan buat Ayda Jebat jatuh cinta

BIRO Pelancongan Taiwan sekali lagi membawakan Program Percutian Mesra Muslim sebagai satu usaha menggalakkan rakyat Malaysia untuk berkunjung ke negara 'Jantung Asia' tersebut.

Kali ini penyanyi dan pelakon **Ayda Jebat** telah dilantik sebagai duta Kempen Salam Taiwan 2023/24 dan tidak dinafikan keindahan panoramanya membuatkan dirinya jatuh cinta di Taiwan.

Ayda yang ditemani suami, Nabil Mahir berpeluang berkunjung ke destinasi pelancongan menarik di seluruh Taiwan dan diperkenalkan dengan keindahan pulau empat musim ini, makanan halal serta kemudahan mesra Muslim yang ada di sana.

"Sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan, saya terus dibawa menginap ke kabin yang terletak di sebuah ladang ternak berlatarbelakangkan pergunungan memukau di Miaoli, bahagian Taiwan Sentral dan kesokan harinya, saya berpeluang melihat sendiri penghasilan produk tenusu berkualiti

tinggi.

"Destinasi kedua dalam senarai paling digemari saya adalah sebuah perkampungan tradisi yang dikelilingi taman bunga dan buluh.

"Saya berpeluang menikmati dan mencuba sendiri kegiatan ekonomi utama mereka, iaitu pewarnaan celup (*dye*) menggunakan warna yang diekstrak dari bunga, sememangnya satu pengalaman unik dan menyeronokkan," ceritanya tanpa lelah.

Sambung Ayda lagi, dia seakan tidak percaya ketika berkunjung ke pasar di Taichung yang menjual bunga-bunga seluas mata memandang.

Kongsinya lagi dia cukup teruja apabila berkunjung ke taman tema di Lihpao Discovery Land dan berpeluang menaiki 'Ferris Wheel' yang tertinggi di Taiwan dengan ketinggian 394 kaki.

"Bila berpeluang menjelajah beberapa tempat, macam tak percaya yang saya sebenarnya berada di Taiwan, terutamanya sewaktu menjelak kaki ke Gaomei Wetland.

Berlatarbelakangkan kincir angin gergasi yang menjana tenaga dan ala-ala berbulan madu sambil menikmati pemandangan indah matahari terbenam," katanya tersenyum.

Ayda juga mengakui yang dia ingin mengulangi kunjungan ke Taiwan kerana mahu melihat sebuah ladang indah berlatarbelakangkan pergunungan HeHuan dan tasik.

Katanya, keindahan kawasan yang terletak di ketinggian hampir 1750m itu bak sebuah lukisan. Malah dia juga sempat singgah di sebuah bangunan berciri Inggeris klasik yang mendamaikan di daerah Nantou.

"Setakat ini semua tempat yang saya pergi pemandangan alam semula jadi bagi lukisan. Ayda berpeluang melihat keindahan matahari terbit di puncak gunung HeHuan setinggi 3,416m pada pukul 5 pagi dan ketika itu suhu serendah empat darjah celsius.

"Banyak pengalaman indah yang saya lalui sepanjang berkunjung ke

Taiwan. Waktu berkunjung ke ladang teh di Chiayi, saya berpeluang mengenali orang asal dari kaum Tsou tentang tarian kebudayaan mereka.

"Di daerah ini terletaknya Taman Negara Alishan yang tersohor itu. Saya berpeluang melawat stesen kereta api klasik di puncak gunung yang dikelilingi flora dan fauna memukau bagi dalam filem," katanya lagi.

Jelas Ayda, selain memiliki lokasi pelancongan menarik, Taiwan juga mesra Muslim dan banyak restoran halal di sana malah Taiwan pernah diiktiraf sebagai Destinasi Inklusif Tahunan (bukan OIC) dalam Majlis Anugerah Pelancongan Halal 2022.

Saksikan video Salam Taiwan melalui YouTube rasmi Biro Pelancongan Taiwan [@tbrockltaiwan_tourism5829](#).



Dr Idzu Saujana jelmaan Aina Abdul?

MERIAH sungguh Konsert 25 Saujana yang berlangsung di Zepp Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Selain persembahan mereka yang disifatkan 'nostalgia' mendapat pujian audiens, turut meriah perhatian adalah busana digayakan vokalis kumpulan Saujana iaitu **Dr Idzu Baharin**.

Tampil memakai sut rona hitam diperbuat menggunakan fabrik berkilau, penampilannya itu telah mencetus pelbagai reaksi oleh penonton yang hadir pada malam tersebut.

Dr Idzu dianggap sebagai jelmaan Aina Abdul versi lelaki tatkala usahawan berstatus jutawan itu mengenakan baju yang dilengkapi ropol besar di kiri dan kanan bahunya.

Walaupun dikecam netizen, Dr Idzu sedikit pun tidak berkecil hati dan memberitahu bahawa dia sengaja tampil dengan konsep rekaan sebegini kerana mahu menonjolkan kelainan.

"Ini fesyen ala drakula ya!"

selorohnya sebagai respons kepada dakwaan meniru gaya fesyen Aina.

Tambahnya, unsur-unsur arus perdana yang tular dan menjadi ikutan sengaja diselitkan dalam persembahan nasyid supaya orang fikir lagu genre tersebut bukan seperti apa yang mereka fikirkan.

"Aliran ini juga sebenarnya boleh pergi jauh, sama seperti genre muzik lain.

"Ada banyak konsep dilakukan kalau kita berfikiran terbuka. Jika ia berjaya menembusi arus perdana, maknanya kita boleh tarik orang yang belum atau jarang dengar lagu nasyid," jelasnya.

Sebelum membuat keputusan untuk berpenampilan begitu, Dr Idzu akui dia telah memikirkan tindakannya itu berkali-kali.

Sehingga akhirnya dia nekad dan bersedia untuk dikecam garanya berfesyen pelik dan unik di mata umum.



DR IDZU SAUJANA & BOB YUSOF

Haqiem, Afieq tidak lupa diri

BAGI dua penyanyi muda popular iaitu **Haqiem Rusli** dan **Afieq Shazwan**, mereka sentiasa mengenang jasa stesen radio Suria FM yang disifatkan antara platform awal membantu karier nyanyian masing-masing.

Kedua-duanya senada, stesen berkenaan tanpa memandang nama dan status mereka yang masih hingusan di awal kemunculan, mengundang untuk menyanyi di konsert siri Jelajah Suria FM.

Penyanyi yang popular dengan lagu *Tergantung Sepi* itu berkata dia pasti akan menyertai jelajah berkenaan jika tidak bertembung dengan komitmen lain.

"Kalau tanya saya kenapa sentiasa serta Jelajah Suria kerana saya kenang jasa mereka. Saya ingat lagi, ketika saya tidak dikenali mereka undang saya.

"Bukan sekali tapi banyak kali Suria FM berikan peluang untuk mempromosikan diri dan kerjaya seni saya sehingga hari ini.

"Macam mana sibuk sekali pun saya akan cuba serta sebab saya memang suka," katanya.

Afieq turut bersetuju dan mengakui tidak jemu menyertai jelajah malah sanggup memandu jauh untuk memastikan dapat beraksi di pentas Jelajah Suria.

Dia berkata stesen radio berkenaan banyak menyokong dan membantu



AFIEQ SHAZWAN & HAQIEM RUSLI

graf kerjaya seninya sehingga ke hari ini.

"Saya memang nantikan untuk serta jelajah ini kerana peluang berharga untuk bertemu peminat di serata negeri.

"Ini juga antara cara saya membalsam jasa dan menyokong Suria FM. Saya juga berharap Suria terus memberikan peluang kepada bakat baharu untuk dikenali dan terlibat dalam siri jelajah mereka," jelasnya.

Pengurus Besar Suria FM, Roslinda Abd Majid atau DJ Lin ketika mengulas mengenai perkara itu melahirkan rasa

penghargaan dan berterima kasih dengan sokongan yang diberikan.

Beliau berkata menjadi sebahagian dari matlamat konsert jelajah untuk menyediakan pentas buat bakat baharu diperkenalkan kepada khalayak.

"Memang setiap kali konsert siri jelajah kami akan dimulakan dengan penyanyi baharu dan bakat yang masih segar untuk didedahkan kepada peminat.

"Peluang ini sangat relevan kerana mereka juga merupakan pelapis industri hiburan tanah air," katanya. **WK**

Jual emas terpakai dengan harga tertinggi, hanya di Makmur Gold

DALAM keadaan ekonomi tidak menentu ini sudah pasti ramai antara kita memerlukan wang tunai untuk perbelanjaan harian apatah lagi umat Islam yang bakal menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Tahukah anda menjual emas terpakai juga

mampu memberikan wang tunai yang lebih tinggi.

Memahami kesukaran masyarakat kini,



MOHD FAIZUDDIN

Makmur Gold kini menawarkan pembelian emas terpakai dengan harga tertinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Makmur Gold, **Mohd Faizuddin Che Mahmood** berkata cakna dengan keadaan ekonomi rata-rata masyarakat kini membuatkan pihaknya mengambil keputusan untuk membeli emas terpakai mengikut kadar semasa dalam pasaran.

"Kebiasaan mereka yang menjual emas ini mahu guna duit, jadi kami beri nilai tunai pada harga tertinggi.

"Kami menerima semua jenis emas terpakai termasuklah suasa. Emas terpakai ini kami akan lebur dan menghasilkan emas baharu untuk dijual," ujarnya yang berharap peluang ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat yang memerlukan wang untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Mohd Faizuddin berkata bukan hanya menjual emas terpakai, orang ramai juga boleh *trade in* atau menukar emas baharu di Makmur Gold.

"Tidak dinafik ada juga yang mahu *trade in* emas yang mereka ada. Misalnya, mereka yang ada gelang emas 10 gram tetapi mahu dapatkan yang 15

gram atau lebih berat, boleh *trade in* dengan kami dan tambah duit setelah tolak gelang asal.

"Namun jika mereka ada gelang emas 10 gram tetapi mahukan emas lima gram, di situ berlakunya lebihan duit. Jadi, kami akan kembalikan semula bakinya dalam bentuk tunai. Duit itu boleh digunakan untuk perbelanjaan sehari-hari," jelasnya.

Tambahnya selain itu, Makmur Gold juga turut menjual emas *preloved* yang sememangnya menepati cita rasa pelanggan.

"Makmur Gold juga menjual emas *preloved* dengan harga berpatutan. Misalnya, ada orang beli emas lima bulan lepas, kemudian ingin menjualnya kerana mahu pakai duit. Dalam masa yang sama emas itu masih dalam keadaan elok.

"Kami akan beli dengan harga tertinggi dan menghantarnya cuci di kilang. Kemudian kami akan jual balik. Itulah dinamakan emas *preloved*. Senang cerita seperti orang jual baju *bundle*. Semuanya masih elok dan telah dibersihkan sebelum dijual semula," ujarnya.

PELBAGAI MANFAAT BUAT ANGGOTA KOPERASI MAKMUR MALAYSIA BERHAD

ORANG ramai khususnya warga Putrajaya tanpa mengira lapisan umur



digalakkan memohon untuk menjadi anggota Koperasi Makmur Malaysia Berhad.

Mohd Faizuddin berkata selain berpeluang menjadi usahawan emas, pelbagai manfaat dan kelebihan yang diperolehi apabila mendaftar sebagai ahli koperasi.

"Di Makmur Gold kami mempunyai platform Usahawan Emas Makmur Gold di mana anda boleh menjadi anggota koperasi kami dan secara automatik menjadi usahawan emas.

"Menerusi platform ini, anda akan mendapat komisen diskaun RM10 untuk satu gram emas dan anda boleh mendaftarkan seramai mungkin pelanggan bawah jagaan anda. Sebagai contoh apabila pelanggan itu membeli, anda akan mendapat harga

RM10 untuk satu gram," ujarnya.

Berkongsi mengenai manfaat Usahawan Emas Makmur Gold, Mohd Faizuddin berkata antaranya dividen sebanyak lapan peratus akan diberikan kepada usahawan.

"Antara syarat untuk menjadi Usahawan Emas ini adalah seseorang itu perlu menjadi anggota Koperasi Makmur Malaysia Berhad yang mana modal minimnya RM20,000. Kalau bawah nilai tersebut pun masih boleh memohon.

"Apabila menjadi anggota koperasi, anda akan mendapat emas dengan harga yang murah. Apa yang istimewa, keahlian sebagai usahawan emas tiada had umur dan akan menerima dividen sampai bila-bila sama ada aktif atau tidak," jelasnya.

PROMOSI PEMBUKAAN MAKMUR GOLD PUTRAJAYA

HARGA BERPATUTAN

MENJUAL EMAS BARU | MEMBELI EMAS TERPAKAI | TRADE IN / BUYBACK

MAKMUR GOLD CAWANGAN TERKINI !!!!

DAPATKAN JUGA KOLEKSI EMAS PRELOVED DISINI DENGAN HARGA BERPATUTAN

ALAMAT: 72, JALAN PERAK P15, PRESINT DIPLOMATIK, 62350 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA. HUBUNGI: 018 - 359 5072.

KEDAI KAMI BERSEBELAHAN DENGAN KFC PRESINT 15

Makmur GOLD Putrajaya

mgputrajaya

018-3595072

Tebus emas dengan potongan biro ANGKASA

MAKMUR Gold yang membuka cawangannya ke-12 di Putrajaya pada 5 Mac 2023 memperkenalkan tabungan emas untuk kakitangan awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Syarikat yang merupakan salah satu rangkaian perniagaan bawah Koperasi Makmur Malaysia Berhad ini mahu membuktikan emas boleh dimiliki tanpa mengira pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Makmur Gold, **Mohd Faizuddin Che Mahmood** berkata pihaknya menawarkan Program Tabungan Emas dengan potongan gaji biro ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad).

Kakitangan kerajaan dan GLC boleh menabung untuk menebus emas melalui potongan gaji biro ANGKASA. Saya menyeru kepada semua menabunglah emas bersama Makmur Gold dengan sekurang-kurangnya RM50 sebulan.

"Setelah anda menabung,

boleh tuai hasilnya iaitu tebus atau *redeem* emas di Makmur Gold. Untuk potongan biro ANGKASA ini, ia adalah potongan gaji dalam bentuk tabung dan bukannya kredit.

"Di mana menerusi tabung ini sesiapa sahaja sama ada kakitangan awam atau GLC, boleh menabung dengan mengisi borang dan mendapatkan pengesahan majikan. Kemudian, ANGKASA akan membuat potongan bergantung kepada berapa jumlah yang dimohon," katanya tidak perlu tunggu duit beribu atau berpuluhan ribu, Makmur Gold mampu menjadikan impian anda untuk memiliki emas bermula RM50 sahaja.

Mohd Faizuddin juga berharap warga Putrajaya merebut segala peluang yang dibuka oleh Makmur Gold Putrajaya.

"Di Putrajaya ini, kami serampang dua mata di mana mahu tarik pembeli yang *walk in* dan juga mereka yang membuat tabungan menerusi potongan biro ANGKASA.

"Kita pun tahu majoriti penduduk di Putrajaya ini dalam kalangan kakitangan awam dan kita nak ajak masyarakat supaya buang pemikiran, kalau mahu beli emas kena ada wang dalam beribu atau puluhan ribu.

"Anggapan atau cara itu tidak berapa tepat kerana anda boleh menabung bersama Makmur Gold, tidak kiralah berapa pun pendapatan anda. Anda boleh mula menabung dengan RM50 sebulan dan *insya-Allah* tabungan itu berguna untuk masa depan," tambahnya dengan menggunakan slogan 'Patuh Syariah dan Free Upah', Makmur Gold terus menjadi pilihan dan diyakini.

Orang ramai digalakkan berkunjung ke kedai emas Makmur Gold di Presint 15, Putrajaya. Sebarang maklumat lanjut boleh hubungi di talian **09-513 0640** atau layari **Instagram @ makmurgoldofficial** dan laman sesawang **www.makmurgold.my**.



Air tangan ibu di Santapan Ummis Hijau Kasturi



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DEEL ANJER

MESKIPUN masakan ibu hanya telur goreng namun rasanya enak tidak terkata dan oleh Santapan Ummis Hijau Kasturi yang terletak di Sentul Point, Kuala Lumpur menawarkan buffet Ramadan bertemakan 'air tangan ibu'.

Meneruskan konsep buffet yang sudah menjadi identiti mereka, sebanyak lebih daripada 45 jenis makanan hidangan Melayu klasik dan Nusantara dihidangkan buat anda mengubati rindu pada ibu yang sudah tiada atau jauh di kampung bersama kami bermula 23 Mac sehingga 19 April 2023.

Cef Norziah bersama suami tercinta, Cef Fauzi yang merupakan tunggang utama dalam menyediakan juadah buffet Ramadan pada kali ini berkata pelbagai jenis lauk-pauk akan disediakan dan ianya bertukar pada setiap hari.

"Tiga masakan utama setiap hari ialah berlado, masak lemak dan asam pedas dengan pelbagai jenis lauk utama yang dimasak berganti-ganti. Antara menu tersebut adalah sifut sedut masak lemak, itik salai masak lemak, kepala ikan dengan lobak masin dan daging salai dengan bacang masak lemak."

"Selain itu, pelanggan juga boleh menikmati pilihan bakar seperti ayam, kambing dan lembu yang telah diperap dengan ramuan istimewa dan dicecah bersama air asam, sos kicap, 'sambal



rindu', sambal hijau atau sambal mangga.

"Ia lebih menarik apabila ditambah masakan seperti aneka kerabu, ulaman, soto, masakan barat dan pelbagai jenis minuman. Tak lupa kuih-muih, aneka bubur dan mi bakal tersedia sebagai pengikat selera," jelasnya harga yang ditawarkan adalah serendah RM51.90 bagi dewasa manakala kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan warga emas berumur 60 tahun ke atas pula RM19.90.

Cef Norziah berkata bagi memberi kelainan pada tahun ini menu 'Dulang

Berkat' diperkenalkan bersempena Ramadan 2023.

"Bagi menambah kelainan pada Ramadan kali ini, para pelanggan juga bakal dihidangkan sajian 'Dulang Berkat' sebelum pulang.

"Dalam dulang tersebut, pelanggan akan menikmati sajian terakhir yang berlainan setiap hari. Menu tersebut juga sebagai simbolik mengambil keberkatan Ramadan dalam bersedekah dan dalam masa yang sama mengalu-alukan kedatangan sesiapa sahaja ke Santapan Ummis Hijau Kasturi," katanya yang pernah berkhidmat buat keluarga diraja Brunei.

Cef Norziah berkata Ummis Hijau Kasturi terus komited untuk mencegah penularan wabak COVID-19 dan oleh itu, pihak restoran hanya menerima 80 orang pengunjung dalam satu masa sahaja.



"Tempahan awal adalah sangat digalakkan bagi memudahkan kita menyediakan tempat duduk.

"Di samping menikmati juadah-judadah kampung, banyak kemudahan disediakan demi keselesaan pengunjung antaranya adalah surau di bahagian dalam restoran serta ruangan parkir yang luas di tingkat bawah premis. Kelengkapan set audio turut disertakan bersama untuk pengjuran sebarang majlis," tambahnya.

Dalam pada itu, Santapan Ummis Hijau Kasturi turut menjual produk sejuk beku antaranya karipap 'sendat padat', lasagne, popia, makaroni dan tidak dilupakan produk yang sedang laris, ikan keli dendeng ummis juga tersedia. Menariknya, ikan keli tersebut merupakan ikan yang diternak di dalam sangkar dan hanya memakan makanan rumusan yang diperkaya dengan protein dan Omega 3. **WK**



Alamat:
G3A, Sentul Village Service Apartment, No 10, Jalan Sentul Perdana, Sentul, 51200 Kuala Lumpur

Nombor Telefon:
03-4032 4383

Waktu Operasi:
6.30 petang - 9.00 malam

Facebook:
ummis.hijaukasturi.9

Instagram:
@ummis_hijaukasturi



ARTIS popular, Ani Mayuni (kanan) turut menggemarki pelbagai jenis masakan Cef Norziah



Cef Norziah (kanan) bersama 'tulang belakang' jatuh bangun perniagaan iaitu suami tercinta, Cef Fauzi

Tingkat kesedaran peranggi denggi dalam komuniti

INTERNATIONAL MEDICAL UNIVERSITY
MALAYSIA

KES kumulatif jangkitan denggi pada tahun 2022 meningkat lebih 150 peratus berbanding tahun sebelumnya dan jumlah kematian akibat denggi pula meningkat sehingga 180 peratus. Dengan statistik sebegini, sudah tiba masanya untuk menilai semula apa yang kita tahu tentang demam denggi supaya dapat melindungi diri dengan lebih baik daripada penyakit endemik ini.

Menurut Pakar Perubatan Keluarga Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), **Profesor Madya Dr Verna Lee Kar Mun**, terdapat lima tanggapan salah mengenai demam denggi yang perlu dijelaskan dan ditangani.

Mitos No 1: Kita boleh dijangkiti demam dengan sekali sahaja seumur hidup.

Fakta: Demam denggi mempunyai empat sterotaip dan ini bermakna seseorang itu boleh dijangkiti sehingga empat kali iaitu sekali untuk setiap sterotaip. Imuniti kekal hanya diperolehi jika seseorang itu sudah dijangkiti setiap satu daripada empat sterotaip tersebut.

Namun begitu, sebelum anda berfikir adalah lebih elok dijangkiti sebanyak empat kali, beringatlah yang berkemungkinan besar jangkitan-jangkitan seterusnya adalah lebih teruk. Setiap jangkitan itu pula hanya meningkatkan peluang anda untuk mendapat demam denggi yang teruk. Demam denggi yang teruk adalah penyakit serius yang memerlukan kemasukan ke hospital dan boleh membawa kepada akibat yang dahsyat seperti kegagalan organ. Oleh itu, jangkitan berulang bukanlah idea yang baik untuk mendapatkan imuniti.

Mitos No 2: Selagi saya tidak rasa sakit, ianya tidak berbahaya.

Fakta: Terdapat tiga tahap demam denggi la bermula dengan fasa demam kuat secara tiba-tiba selama satu ke dua hari. Ketika itu, pesakit berkemungkinan mengalami



DR VERNA



GAMBAR hiasan.

sakit-sakit badan, sakit kepala dengan sakit di belakang mata, muka menjadi merah dan kulit bertompok-tompok atau ruam.

Kemudian masuk pula fasa kritis. Ironinya, ia datang selepas demam mereda dan ramai yang merasakan mereka semakin sihat. Namun, tempoh sehari dua itu boleh menyebabkan pesakit mengalami kejutan jika kapilaris darah membocarkan plasma dan ini membawa kepada penurunan tekanan darah secara mendadak. Fasa inilah yang akan menentukan sama ada pesakit itu menjadi lebih sihat iaitu memasuki fasa pemulihan (pesakit mampu menyerap semula cecair dan nadi menjadi stabil) atau menjadi lebih teruk dan menderita demam denggi yang teruk.

"Banyak penyakit virus seperti demam denggi boleh reda dan sembuh sendiri (*self-limiting*). Dalam kebanyakan kes, pesakit hanya perlu merawat diri sendiri di rumah. Paling penting minum banyak air untuk mengelakkan dehidrasi yang datang bersama kebocoran plasma. Sesiapa pun yang dijangkiti demam denggi perlu minum sekurang-kurangnya tiga liter air sehari pada tiga hari pertama," nasihat Dr Verna.

Mitos No 3: Demam denggi cuma penyakit

biasa yang ringan.

Fakta: Walaupun kebanyakan pesakit denggi boleh sembuh di rumah, ia tidak bermakna kita tidak perlu berwaspada.

"Dianggarkan satu peratus pesakit akan mengalami demam denggi teruk dikenali sebagai demam denggi berdarah yang memerlukan kemasukan ke hospital. Pendarahan boleh bermula di fasa demam, lazimnya dalam kulit dan gusi. Jika tidak diuruskan dengan betul, keadaan pesakit akan bertambah buruk semasa fasa kritis dan ketika itulah kebanyakan pesakit akan masuk wad.

"Mereka yang mempunyai sistem imun yang sihat selalunya akan sihat dalam dua hari, tetapi jika berlaku komplikasi akibat radang organ dalaman seperti jantung, hati dan otak, ia boleh memakan masa seminggu atau lebih untuk sihat semula," kata beliau.

Tambahnya lagi, bagi orang yang memang mengalami tekanan darah rendah, gejala mungkin bermula lebih awal manakala wanita yang sedang haid pula mungkin mengalami lebih banyak pendarahan. Tanda-tanda lain demam denggi teruk termasuklah sakit perut yang kuat, kerap muntah-muntah dan najis atau muntah berdarah.

Mitos No 4: Saya tidak perlu mengambil

apa-apa langkah pencegahan denggi kerana kawasan rumah sudah dibuat penyemburan.

Fakta: Usaha pencegahan seperti penyemburan hanya membantu membunuh nyamuk aedes dewasa. Membersihkan air bertakung di longkang-longkang awam dan tempat lain pula hanya boleh mencegah tempat pembiakan nyamuk. Namun begitu, usaha-usaha ini membabitkan kos dan tenaga yang banyak dan kesannya tidak menyeluruh. Pada tahun 2009/2010, anggaran kos yang dibelanjakan adalah RM777 million dan ia pasti lebih tinggi sekarang. Terdapat bukti nyamuk sudah kebal kepada racun serangga biasa yang digunakan dalam penyemburan.

"Pihak berkuasa sudah menjalankan kaedah-kaedah pengujian baharu seperti penggunaan nyamuk yang diubah suai genetiknya di lokasi panas. Sekarang, ada berita mengenai vaksin yang dalam penilaian. Adalah bagus apabila ada lebih banyak cara untuk melindungi diri daripada demam denggi.

"Namun begitu, itu bukan bermakna kita harus leka. Secara peribadi, kita semua boleh bertindak dalam lingkungan rumah sendiri untuk mencegah pembiakan dan gigitan nyamuk. Kita kena ingat yang kita boleh kuarantinkan manusia tetapi kita tidak boleh berbuat yang sama kepada nyamuk kerana ia ada di mana-mana. Kita perlu berusaha lebih kuat untuk melindungi diri dan keluarga dengan memastikan kawasan rumah bebas tempat pembiakan nyamuk, pakai pakaian yang menghalang kulit daripada terdedah dan menggunakan ubat nyamuk terutamanya pada waktu senja dan subuh," katanya.

Akhir sekali, beliau juga memberi amaran supaya kita berhenti berangan-angan yang demam denggi boleh diubati.

"Masih tiada ubat atau rawatan khusus untuk penyakit demam denggi, apatah lagi antivirus yang boleh membantu pada masa ini. Tiada salahnya untuk mengambil jus buah-buahan dan cecair lain kerana ia mencegah dehidrasi, tetapi itu semua bukan ubat.

"Oleh kerana demam denggi adalah penyakit yang boleh sembuh dengan sendiri (*self-limiting*) dan ramai yang sembuh tanpa perlu masuk hospital, maka kita hanya perlu berpesan kepada diri yang badan kita berkemampuan dan tugas kita hanya adalah untuk membantunya," tambahnya.

WOWI HR Malaysia bantu graduan TVET miliki pekerjaan di dalam, luar negara

HAZIRAH HALIM

PANDEMIK COVID-19 yang menyerang dunia dua tahun lalu telah menyebabkan banyak sektor-sektor utama yang menjadi pemangkin sumber pendapatan negara menghadapi pelbagai krisis sehingga terpaksa mengurangkan sumber tenaga pekerja.

Justeru itu, peneraju pasaran bagi pengambilan antarabangsa dan pengurusan sumber manusia, World One Worker Integrated (WOWI) HR Malaysia mengambil pendekatan membantu negara-negara seluruh dunia menghadapi krisis tersebut dengan menawarkan 10 ribu peluang pekerjaan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Pengurus WOWI HR Malaysia,



HASSAN (empat dari kanan) bergambar bersama Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud dan beberapa tetamu kehormat pada Program The WOWI International HR and Recruitment Conference Kuala Lumpur 2023.

Datuk Dr Hassan Saad berkata ia bertujuan untuk memperkasakan graduan lepasan TVET di dalam

dan luar negara untuk menimba pengalaman di samping bekerja dalam bidang yang berkait dengan

kemahiran yang dimiliki.

"WOWI HR Malaysia akan mengumpulkan graduan-graduan TVET dari dalam dan luar negara untuk bekerja dalam bidang yang diceburi. Bagi graduan TVET Malaysia yang belajar di sana, mereka akan mengikat kontrak selama satu hingga tiga tahun dengan gaji minimum sebanyak RM4,000.

"Menariknya, mereka boleh pilih sendiri untuk bekerja berapa lama di sana dalam tempoh tersebut dan antara kelebihan yang akan dimiliki adalah tempat tinggal disediakan; sistem pekerjaan sistematik iaitu bekerja hanya lima hari seminggu selama 176 jam sebulan.

"Jika mereka perlu bekerja lebih masa atau overtime (OT) misalnya pada hari biasa (Isnin

hingga Jumaat), majikan di negara tersebut akan membayar 30 peratus daripada gaji pekerja manakala hari Sabtu adalah sebanyak 50 peratus dan Ahad pula sebanyak 100 peratus pembayaran OT akan dibayar," katanya kepada Wilayahku selepas Program The WOWI International HR and Recruitment Conference Kuala Lumpur 2023 di Manhattan III Hall, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur pada 22 Februari lalu.

Dalam pada itu, menerusi Program 'WOWI Job Center', pihaknya telah menerima banyak permintaan daripada beberapa negara seperti Hungary, Poland, Jerman dan Croatia bagi mendapatkan tenaga kerja dari negara Malaysia untuk bekerja di sana. **WK**

Wilayah Persekutuan titik mula tamadun Madani

SARFARIZMAL MD SAAD

WILAYAH Persekutuan nadi terpenting dalam kelestarian kehidupan masyarakat Madani di negara ini. Uniknya Wilayah Persekutuan di negara kita mempunyai tiga model yang saling berbeza antara satu sama lain.

Kuala Lumpur sebagai sebuah mercu tanda negara yang menjadi pemuatan kepada kekayaan negara dan perkembangan urusan ekonomi, di samping ibu negara ini.

Putrajaya pula dibina atas perjuangan kerajaan dalam melestarikan sebuah pusat pentadbiran yang lain dari yang lain dan seimbang dari pelbagai sudut pandang.

Manakala Labuan pula terjara sebagai pusat kewangan persisir antarabangsa yang juga merupakan satu-satunya Wilayah Persekutuan dengan status bebas cukai.

Kuala Lumpur dipenuhi infrastruktur, pengangkutan dan sejarah kehidupan berkesinambungan pada keluasan 243 kilometer persegi. Putrajaya dilengkapi struktur pejabat, pusat komersial, perumahan, jajaran pengangkutan serta alam yang amat sistematis dan cantik pada keluasan 49 kilometer persegi.



Manakala Labuan pula berkeluasan 91 kilometer persegi sebagai sebuah pulau yang penuh dengan sistem dan aktiviti pelaburan serta urusan perniagaan juga pelancongan.

Sejujurnya, Wilayah Persekutuan dipenuhi wajah-wajah kehidupan yang versatil dan penuh warna-warni. Di sinilah terisi pengemis, peniaga, penjawat awam, usahawan, penghibur, pemikir, warga asing, pelancong, akademik dan buruh kasar.

Pada sisi kata yang berbeza, kita boleh anggap Wilayah Persekutuan di Malaysia ini sebagai salah satu

ejen kepada pembinaan tamadun negara kita.

Menurut Sarjana Barat Darcy Roberio, terdapat 11 ciri bagi sesebuah tamadun: Penyebaran teknik pertanian, penerangan dan penghususkan fungsi kumpulan tertentu, revolusi perbandaran, kemunculan bandar dan negara, stratifikasi masyarakat dalam kelas-kelas sosial, pertanian, perairan, teknik, bilangan dan kalender, perkembangan kapal serta penciptaan mata wang.

Kependudukan masyarakat di tiga-tiga Wilayah Persekutuan itu

juga mencerminkan kepada asas menuju kualiti hidup yang lebih baik berbanding kehidupan sebelumnya di perkampungan.

Ironinya, jiwa-jiwa yang melakukan penghijrahan ke Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah mereka yang membawa stigma dan keazaman untuk mengubah hidup serta keluarga sendiri untuk menjadi lebih baik.

Kerajaan Malaysia yang mentadbir urus tiga Wilayah Persekutuan ini juga sekata dan tidak lari dari jajaran asal komitmen sebenar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan digelar Wilayah Persekutuan.

Siapa pun yang menjadi kerajaan, komited mereka kepada prinsip perlembagaan tetap sama yakni menekankan toleransi, kesederhanaan, sifat kemanusiaan dan timbang rasa sehingga beri kesan positif terhadap keamanan dan pembangunan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sewajarnya warga Wilayah Persekutuan harus menitipkan rasa syukur kerana tetap dilayan baik bagi 'anak emas' oleh pemerintah walau dari ideologi politik yang berbeza.

Walaupun Kementerian Wilayah Persekutuan telah dimansuhkan dan menjadi Jabatan Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan

Perdana Menteri, namun perpaduan (*unity*) di kalangan penduduknya tetap menjadi prioriti oleh kepimpinan jabatan.

Pemerkaan (*empowerment*) sektor-sektor asas kehidupan masyarakat juga tidak dikesampingkan. Yang susah terus dibantu, yang kaya terus diberi peluang dan yang baru berhijrah terus dialu-alukan.

Malah, Jabatan Wilayah Persekutuan tetap mendengar suara (*voice*) para penghuniinya dari segala bentuk dan posisi.

Andai kita mahu mengukur cabaran kehidupan masyarakat, Jabatan Wilayah Persekutuan antara yang paling sibuk mengurusnya saban hari. Tiada masa berehat walau seketika dalam mengurus cabaran manusia dan alam sekitar.

Apakah yang diharapkan hanyalah ketabahan, kecekalan dan istiqamah warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan masyarakat penghuni Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dalam berhadapan segala kerisauan dan kegelisahan hidup.

Semoga kita menjadi sebuah tamadun yang tidak muflis semangat untuk bertahan dan kalis dengan dugaan ketamadunan. Jadikan Wilayah Persekutuan sebagai titik mula kepada pembentukan tamadun Madani di Malaysia.

GEG mesti diluluskan, industri diselar agar tidak pentingkan diri

PERTUBUHAN Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan atau MyWATCH menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkenaan sokongan kerajaan terhadap ikhtiar pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melaksanakan peruntukan larangan merokok kepada generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Larangan yang lebih dikenali sebagai Generasi Penamat atau Generational EndGame (GEG) adalah bertepatan untuk melindungi golongan generasi akan datang daripada terjebak dengan kegiatan buruk merokok ini khususnya produk merokok alaf baru seperti rokok elektronik atau vape.

Presiden MyWATCH, Roslizawati Md Ali berkata pihaknya berpendapat sokongan kerajaan terhadap pelaksanaan GEG adalah penting bagi melindungi kanak-kanak dan remaja serta menjadi keutamaan kerajaan demi memastikan Malaysia dapat melahirkan generasi akan datang yang lebih sihat juga produktif.

"Saya merasa sungguh kesal selama ini masalah merokok terutama rokok elektronik dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sukar dikawal dan semakin menular.

"Kita boleh nampak dengan jelas anak-anak muda ini tanpa segan silu mengantungkan

rokok elektronik di leher mereka. Lebih menjengkelkan lagi apabila mereka dengan bangganya menghembuskan wap rokok elektronik yang kononnya tidak membahayakan kesihatan," katanya.

Tambahnya, MyWATCH juga menyambut baik pengumuman berkaitan pengenaan duti eksais ke atas produk atau cecair bagi rokok elektronik, namun percuakan semata-mata kawalan ketat terutamanya terhadap pengiklanan dan promosi rokok elektronik yang semakin meluas akan menyebabkan ia berleluasa tanpa kawalan.

"Ianya mestilah selaras dan mematuhi Artikel 5.3 FCTC (*Framework Convention for Tobacco Control* atau Rangka Kerja Konvensyen Kawalan Tembakau mengenai *Protecting Tobacco Control Policies from Tobacco Industry Interference*), apatah lagi Article 13 (*Ban on Tobacco Advertising, Promotion and Sponsorship*)," jelasnya.

Mengulas kenyataan yang dikeluarkan melalui siaran di BH Online oleh pihak Dewan Perniagaan Vape Malaysia atau MVCC berkaitan cadangan GEG tidak sepatutnya diteruskan kerana ia akan mengharamkan produk vape dalam jangka masa panjang dan akan memberi kesan kepada perniagaan tempatan di Malaysia yang kini bernilai RM2.49 bilion, Roslizawati berkata ia adalah merupakan

satu kenyataan yang hanya semata-mata bersifat keuntungan dan mementingkan diri tanpa memikirkan masa depan anak-anak muda generasi akan datang.

"MVCC perlu cakna, sensitif serta prihatin di mana pelaksanaan GEG hanya melibatkan mereka yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya. Kajian yang dijalankan oleh pihak KKM menunjukkan jumlah pengguna rokok elektronik yang tidak tergolong dalam kumpulan generasi ini adalah lebih kurang satu juta orang.

"Oleh itu mana mungkin industri ini akan rugi kerana mereka masih mempunyai klien dengan jumlah yang besar. Lainlah sekiranya kerajaan melarang sepenuhnya penjualan rokok elektronik sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Brunei," ujarnya kajian juga mendapati beban kesihatan (*health burden*) jauh mengatasi pendapatan (*revenue*).

Roslizawati berkata kajian statistik 2020 menunjukkan jumlah kutipan RM2.7 bilion *revenue*, tidak dapat menampung beban tiga jenis penyakit sebanyak RM6.21 bilion, apatah lagi penyakit-penyakit sampingan merokok keseluruhannya.

"Peningkatan peratusan penggunaan rokok elektronik semakin kritis, di mana

keseluruhan penggunaanya dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun meningkat daripada 9.8 peratus pada tahun 2017 kepada 14.9 peratus pada tahun 2022.

"Bagi kami, kerajaan tidak boleh menoleh ke belakang lagi. Peruntukan GEG mesti diteruskan, pengenaan duti eksais yang tinggi mesti dilaksanakan dan penguatkuasaan dipertingkatkan. Hanya dengan cara ini kita akan dapat memastikan harga yang tinggi dikenakan dan kemampuan untuk membeli terutama dalam

kalangan kanak-kanak dan remaja dapat disekatkan (*curtailed*) dan dikawal selia.

"Sekali lagi pihak MyWATCH menggesa agar Rang Undang-Undang kawalan rokok elektronik ini segera dibawa ke parliment dan diluluskan seterusnya digubal (*enacted*) dengan segera; manaj kajian dalam pembentukan masyarakat Madani, ikhtiar yang jelas dan terang untuk melindungi generasi akan datang," ujarnya yang mengharapkan perkara tersebut dapat disegerakan. **W.K**



APAKAH ITU RUU KAWALAN PRODUK TEMBAKAU DAN MEROKOK 2022?

Satu undang-undang bagi mengawal aktiviti promosi, penjualan, pembelian dan penggunaan sebarang produk tembakau termasuk rokok elektronik/vape serta larangan penggunaan produk merokok kepada generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Wanita dan belia ejen KPDN penyaluran maklumat kepenggunaan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhasrat menjadikan golongan wanita dan belia sebagai ejen dalam menyampaikan maklumat kepenggunaan kepada masyarakat bagi memperkasakan pengguna bijak.

Timbalan Menterinya Senator Fuziah Salleh berkata golongan wanita dan belia perlu mendaya upayakan pengguna melalui perkongsian ilmu, menyebar luas dan meningkatkan kesedaran kepenggunaan dalam kalangan wanita dan belia melalui pendekatan baharu yang bersepada dalam aspek berkaitan kepenggunaan dan peranan wanita serta belia.

"Ini bagi memberikan pendedahan tentang kepenggunaan di dalam usaha melahirkan generasi pengguna yang cakna akan hak masing-masing di dalam transaksi



FUZIAH ketika berucap semasa Sesi Dialog Bersama NGO Kepenggunaan Wanita dan Gerakan Belia Siswa.

jual beli terutama dalam membuat pilihan, cakna akan undang-undang berkaitan perniagaan.

"Hasrat kementerian adalah untuk menjadikan wanita dan belia sebagai rakan strategik secara langsung di lapangan dan seterusnya sebagai ejen penyampaian maklumat kepenggunaan kepada masyarakat di luar sana dalam memperkasakan pengguna bijak

dan berdaya upaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Dialog Kepenggunaan Bersama NGO Kepenggunaan Wanita dan Gerakan Pengguna Siswa, di sini pada Khamis lalu.

Pada majlis yang sama, Fuziah turut melancarkan Aduan Suri bagi peringkat Labuan.

Beliau berkata menerusi



KIRA-KIRA 200 orang menghadiri Sesi Dialog Kepenggunaan Bersama NGO bersama Timbalan Menteri KPDN di salah sebuah hotel pada Khamis lalu.

40 pelajar KML lawat Fakulti Komputeran dan Informatik UMSKAL

SERAMAI 40 orang pelajar Jurusan Sains Modul Sains Komputer Kolej Matrikulasi Labuan (KML) telah menyertai Lawatan Kerja ke Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Pegawai Kaunseling KML, Zarina Sana berkata lawatan itu bertujuan untuk mendapatkan maklumat dari segi bidang kursus dan syarat kemasukan ke jurusan teknologi maklumat di UMSKAL.

Selain itu, katanya untuk melihat kemudahan dan fasiliti peralatan teknologi maklumat yang disediakan oleh pihak universiti dalam pembelajaran untuk para pelajar.

"Lawatan itu juga bertujuan sebagai jalinan kerjasama rakan strategik antara KML dan UMSKAL.

"Menaruh iku lawatan itu, pelajar KML akan dapat merasai suasana pembelajaran di universiti," kata dia yang juga ketua rombongan KML.



40 pelajar KML bergambar kenangan di pintu utama Menara UMSKAL.

Turut bersama rombongan KML ialah Pensyarah Sains Komputer KML, Tan Her Soon dan Pengarah Program, Mohamad Nazmi Kamarudin.

Ketibaan pelajar KML itu disambut Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Mohd Nazri Suin yang mewakili Dekan Fakulti Komputeran & Informatik (FKI), Profesor Madya Ts Dr Mohd Hanafi Ahmad Hijazi; Ketua Program Komputeran Perniagaan, Dr Nooralisa Mohd Tuah dan Pensyarah Kanan Program Teknologi Multimedia, Dr Carolyn Salimun.

Ketika di Dewan Kuliah Podium A, Bangunan Menara UMSKAL, Mohd Nazri

menyampaikan taklimat mengenai pentadbiran FKI manakala Dr Nooralisa dan Dr Carolyn masing-masing menyampaikan maklumat mengenai Program Komputeran Perniagaan dan Program Teknologi Multimedia.

Mohd Nazri turut menerangkan mengenai kemudahan yang terdapat di Makmal FKI di aras 9, Bangunan Menara UMSKAL.

Sebelum mengakhiri lawatan, pelajar KML berpeluang melihat pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan dari aras 13 yang turut menempatkan balai cerapan anak bulan.

"Kami berharap pelajar KML akan menjadikan FKI pilihan utama mereka seterusnya," katanya. WK

pelancaran sistem itu menjadi satu mekanisme kepada pengadu untuk menyalurkan sebarang aduan yang ingin disampaikan dengan hanya mengimbas kod QR dan menyalurkan aduan menerusi aplikasi WhatsApp KPDN.

"Kementerian telah mengambil langkah untuk melancarkan semula saluran-saluran aduan kepenggunaan yang telah sedia ada dengan

menambah baik sistem itu agar ia nyata pengguna.

"Dengan sistem aduan serta dengan penjenamaan semula diharapkan agar memberi manfaat kepada seluruh rakyat dan ia perlu disebarluaskan.

"Sejak ia dilancarkan, sebanyak 1,422 aduan telah diterima sehingga Februari ini dan 666 pengadu adalah wanita," katanya. WK



Kuota minyak masak, telur dan ayam disemak semula - KPDN

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal menyemak semula kuota bagi barang import daripada Sabah yang membabitkan minyak masak, ayam dan telur kepada pulau itu.

Menurut Timbalan Menterinya, Senator Fuziah Salleh, proses menyemak semula itu dilaksanakan bagi memastikan masalah kekurangan bekalan barang mentah yang kerap berlaku itu dapat diatasi.

"Saya ambil maklum isu kekurangan bekalan telur, minyak masak, gula dan harga ayam lebih mahal seperti yang dibangkitkan oleh pengguna serta para peniaga di sini.

"Kami boleh pertimbang untuk semak semula kuota import telur

ayam dan minyak masak sebagai usaha membantu menyelesaikan isu kekurangan bekalan tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Menu Rahmah bagi peringkat Labuan, pada Khamis lalu.

Mengulas lanjut, beliau turut memaklumkan kementeriannya akan melaksanakan semakan semula Program Penyeragaman Harga bagi menyeragamkan harga barang di Labuan kerana mempunyai perbezaan harga barang di bandar lain seperti Sabah disebabkan isu logistik.

"Perkara ini telah pun saya catatkan untuk disemak semula berkenaan penyeragaman harga ini yang melibatkan kawasan-kawasan seperti di Labuan," katanya. WK

PERADUAN MEWARNA PM203



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:


Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM203".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **18 MAC 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku **Bilangan 205**.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU

TEKA SILANG KATA SK203



MELINTANG

1. Sebab terjadi sesuatu
5. Huruf Roman
6. Yang
7. Jangka masa tertentu dalam sejarah
8. Arah tujuan
9. Lapisan udara mengelilingi bumi

KE BAWAH

1. Bebas
2. Suara menyakitkan telinga
3. Mala petaka
4. Pembantu raja

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK203".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **18 MAC 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku **Bilangan 205**.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.
E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 201

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM201:

KHAYRUN MAREESA MUHAMMAD
(6 tahun)
Setapak, Kuala Lumpur

TENGKU NUR QISTINA TENGKU SALMAN
(11 tahun)
Presint 9, Putrajaya

MUHAMMAD HAQEEMI KHALEED
(9 tahun)
Setia Alam, Selangor



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK201:

FATIMATUL HUSNA OMAR
(37 tahun)
Semenyih, Selangor

MOHD ISKANDAR HARON
(42 tahun)
Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

ADAM RASHIDI ABDUL RAHMAN
(48 tahun)
Presint 17, Putrajaya



PROF MADYA DR NAHRIZUL
ADIB KADRI

MALAYSIA Madani yang digagaskan secara rasmi sebagai sebuah dasar negara oleh Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023 merupakan sebuah kerangka ringkas tetapi padat dengan objektif utama mengembalikan semula Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani.

Ringkas kerana hanya mengandungi sebilangan 'rukun' dan elemen yang tergaris serta padat kerana turut menyenaraikan tunjang, pemboleh daya dan keperluan yang perlu dibekal dan dilaksana.

Walaupun sebilangan besar tanggapan sinis yang dilontarkan terhadapnya (seperti mana yang juga diterima oleh mana-mana dasar dan gagasan kerajaan sebelum ini) hanyalah retorik remeh yang dahagakan perhatian di kedai-kedai kopi dan ruangan komen media sosial, namun ada satu soalan yang penulis rasakan kekal relevan untuk ditanya: Apakah dan di manakah peranan yang perlu dimainkan oleh setiap daripada kita dalam mendokong gagasan ini?


Tentu sahaja enam rukun yang digariskan itu bukan untuk dihalau secara verbatim dan dimuntahkan bila perlu. Tentu sahaja tunjang dan pemboleh daya yang dikenal pasti itu bukan hanya menjadi tanggungjawab agensi tertentu atau penjawat awam untuk memikulnya. Tentu sahaja gagasan baharu ini bukan tempoh masa untuk mempelajari kosa kata baharu yang acap kali dikongsi PM setiap kali membuka mulutnya untuk berucap.

Bagaimana jika penulis katakan jawapan kepada persoalan awal tadi sebenarnya sudah ada di dalam diri kita dan juga setiap yang kita lakukan?

Begini. Pada tarikh 19 Januari 2023 juga, sebuah filem tempatan arahan Sabri Yunus telah mula ditayangkan di pawagam seluruh negara. Majlis pelancaran 'Duan Nago Bogho' telah dilakukan di pawagam GSC Starling Mall, Damansara Utama, Petaling Jaya pada malam sebelumnya.

Menteri Komunikasi dan Digital, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil turut hadir merasmikan majlis, selain kehadiran keluarga produksi dan pemain-pemain industri perfilman negara. Penulis serta beberapa warga Universiti Malaya (UM) turut dijemput hadir atas

Duan Nago Bogho ada kunci Malaysia Madani



kapasiti rakan setugas dan majikan kepada pelakon utama, Asrulfaizal Kamaruzaman yang merupakan Pegawai Kebudayaan Kanan di Fakulti Seni Kreatif, UM.

Sebelum penulis kaitkan dua kejadian yang mungkin paling jauh di antara satu sama lain ini, benarkan penulis berkongsi sedikit jalan cerita filem cinta-aksi terbitan Kalam Ariff Holdings Sdn Bhd ini. Pada masa artikel ini ditulis, tayangan filem ini sudah pun berakhir, jadi tiada masalah dari segi penulis menjadi punca pembocoran *spoiler* dari naskhab berbahasa dialek Kelantan ini.

Penceritaan 'Duan Nago Bogho' adalah berkisar perjalanan Duan (penulis menganggap nama sebenarnya adalah Ridzuan atau yang seumpamanya kerana tidak dinyatakan langsung sepanjang tayangan) yang berhasrat memulakan hidup baru di Kuala Lumpur, setelah meninggalkan kampungnya di Kelantan. Duan

digambarkan sebagai seorang yang agresif, namun sangat mencintai seni persembahan mak yung. Seawal dua minit pertama tayangan, pengarah menggunakan konsep *cold-opening* bagi menggambarkan kedua-dua aspek diri Duan ini melalui babak persembahan mak yung dan pergaduhan berdarah yang menyusul tidak lama kemudian.

Selebihnya, filem ini memperihalkan cubaan Duan menyesuaikan diri untuk hidup di celah-celah Kuala Lumpur yang mempunyai pelbagai sisi baik positif mahu pun negatif. Sisi dirinya yang kental dengan semangat seni persembahan mak yung diterapkan melalui babak hubungan Duan dengan Awi (lakonan Saidi Sabri), rakan lamanya dari kampung, dan juga Nancy (Jojo Goh) dan Salmi (Sangeeta Krishnasamy), watak-watak bukan Melayu yang digambarkan ingin menjawai seni mak yung secara dekat dan

praktikal. Sisi negatif dirinya pula digambarkan melalui konflik diri Duan yang mudah memilih jalan pergaduhan sebagai penyelesaian masalah, termasuklah apabila cuba 'membantu' orang lain menyelesaikan masalah mereka. Menariknya juga, filem aksi ini turut menyisipkan konflik pembugaran cinta tiga segi di antara Duan, Nancy, dan Salmi.

Pemperihalan filem ini secara terperinci kemungkinan besar tidak mungkin dapat dilakukan secara adil oleh penulis, kerana pastinya terdapat banyak lagi mesej tersirat atau hasrat dari kedua-dua pengarah dan penerbit yang diadun di dalam filem ini. Namun, jelas kelihatan garapan konsep '*Hero's Journey*' yang digunakan dan ini sangat membantu dalam menyampaikan mesej utama 'Duan Nago Bogho'. Mesej inilah yang ingin penulis utarakan sebagai kunci yang dimaksudkan di dalam persoalan mengenai peranan kita semua dalam merealisasikan Malaysia Madani.

Di dalam filem ini, Duan sebenarnya hanya menjadi dirinya. Di sepanjang-panjang tempoh tayangannya, kita dihidangkan dengan setiap sisi hidupnya yang ingin menjadi Duan yang lebih baik (tahap sosioekonomi dan status dalam masyarakat). Cabaran utamanya datang dari hambatan kesilapan masa lalu (rakan-rakan, sistem sokongan dan persekitaran dunia gelap yang penuh *masochism*, tetapi selesa) yang tidak membenarkan Duan meneroka potensinya yang lebih luas (mak yung bukan hanya untuk tatapan masyarakat kampung di tepi pantai).

Kesemua ini, pada pandangan naif penulis, menggambarkan kita semua dalam setiap titik perjalanan kehidupan. Kita semua adalah Duan, ingin menjadi seseorang atau sesuatu yang lebih baik; namun pada setiap detik dan ketika juga turut dihambat dengan desakan-desakan yang selalunya hadir dalam bentuk elemen persekitaran masa silam yang kita rasakan selesa.

Pemukiman zon selesa inilah yang menindakkan kita menghampiri potensi diri kita yang sebenar.

Di dalam konteks gagasan Malaysia Madani, kita sebenarnya telah diberikan sebuah peta bagi membantu kita meneroka jalan keluar dari zon selesa ini. Perjalannnya kelihatan (sememangnya!) sukar, namun kita dijanjikan sesuatu yang tidak ternilai di penghujung perjalanan itu kelak. Sebagaimana juga Duan yang digambarkan akhirnya menjelaskan kakinya ke fasa baharu dalam hidupnya setelah hampir terbunuh dalam mengharungi setiap cabaran hidupnya menyesuaikan diri di 'dunia' baharu hanya berbekalkan diri dan niat yang ikhlas.

'Duan Nago Bogho' mungkin bukan sekadar nafas segar dalam industri hiburan yang semakin sesak, namun turut mempunyai peranan yang lebih besar memandu kita semua di dalam gagasan Malaysia Madani dengan jiwa Malaysiana yang jelas.

PENULIS merupakan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di nahrizuladib@um.edu.my.



FILEM bergenre aksi dengan menyelitkan elemen tradisional Melayu ini berjaya meraih kutipan RM1 juta dalam tempoh seminggu tayangan.

Hari Terbuka Putrajaya / Putrajaya Open Day (POD) 2023

Pemandu Grab terima durian runtuh



SABRINA SABRE

SEORANG pemandu Grab, Ismail Abdullah, 65, tidak menyangka minat memancing membawa tuah apabila dia dinobatkan sebagai juara Pertandingan Memancing Putrajaya yang diadakan di Sisiran Tasik Putrajaya Presint 2, 3 dan 4 baru-baru ini.

Ibarat rezeki datang bergolek apabila Ismail tidak hanya dinobatkan juara pertandingan memancing malah turut memenangi cabutan bertuah utama sempena POD 2023.

Ismail berjaya menaikkan ikan Rohu seberat 9.5 kilogram (kg) sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM7,000 dan sebuah motosikal jenis Modenas Kriss.

Tempat kedua dimenangi oleh



ISMAIL bersama hadiah yang dimenanginya dalam Pertandingan Memancing Putrajaya 2023. Foto: FARIS AZMI/PPJ

Julaidi Ismail, 49, selepas berjaya menaikkan ikan Temoleh seberat 4.5 kg sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 manakala tempat ketiga dimenangi

oleh Amar Kamarudin Abd Rahman, 42, yang menaikkan ikan Rohu seberat 7.9 kg serta membawa hadiah bernilai RM3,000.

Menurut Ismail, dia tidak pernah

menyertai pertandingan sebesar itu dan pada kebiasaan hanya memancing di kolam berbayar pada waktu hujung minggu.

"Alhamdulillah, saya tidak menyangka dapat memenangi hadiah sebesar itu. Wang tunai yang diterima akan saya simpan untuk perbelanjaan pada masa hadapan. Untuk hadiah cabutan bertuah pula saya akan jual kepada sesiapa yang berminat. Hal ini kerana faktor usia tidak mengizinkan saya untuk mendaratkan ikan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ismail memberitahu pada mulanya dia berasa berat hati untuk menyertai pertandingan tersebut kerana berasa kekok dengan jumlah penyertaan pemancing yang terlalu ramai.

"Selepas dipujuk oleh seorang rakan, saya bersetuju untuk menyertai pertandingan itu. Saya hanya menggunakan umpan cacing dan tidak menyangka disambang ikan sebesar itu seterusnya diumumkan

sebagai johan," tambahnya.

Terdahulu, pertandingan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) yang diadakan bersempena POD 2023 itu menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM22,000 kepada pemancing yang berjaya mendaratkan ikan.

Menurut Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud, melalui penganjuran program ini, ia dapat memberi peluang kepada golongan pemancing untuk sama-sama menikmati hasil pembangunan Tasik Putrajaya di samping melaksanakan aktiviti riadah seisi keluarga.

"Secara tidak langsung, aktiviti ini juga memberikan nilai tambah bagi memperkasakan perkhidmatan ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya sebuah tapak ekosistem perbandaran yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO sejak tahun 2010," ujar beliau. **W.K**

KiKaKo Kids maskot rasmi Wetland Studios Putrajaya

SECARA rasminya, maskot bernama KiKaKo Kids diperkenalkan kepada umum pada Ahad lalu sebagai tarikan pelancong bagi Wetland Studios Putrajaya yang terletak di dalam Taman Wetland Putrajaya.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud berkata pihaknya berasa sangat teruja dengan pendekatan digunakan KRU Group selaku pemilik bersama untuk mempromosikan taman tema tersebut.

"Kami sangat teruja kerana mereka bukan sahaja bagus dalam membuat perancangan strategik tetapi juga berupaya dalam membentuk kerjasama dengan pelbagai organisasi besar.

"Ia termasuklah jalinan penglibatan syarikat rakaman Universal Music bagi mempromosikan taman bencah dan taman rekreasi kami dalam konteks yang lebih menyeluruh," ulas beliau pada majlis pelancaran taman itu, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KRU Group, Datuk Norman Abdul Halim menjelaskan taman berkonsep didik hibur itu bakal disajikan dengan pelbagai informasi dan

pengetahuan berkenaan kehidupan bumi.

"KiKaKo Kids sebenarnya terdiri daripada tiga watak iaitu Kiki, Kaka dan Koko yang merupakan titisan air tinggal di awan," jelas Norman maskot tersebut diwujudkan sebagai gambaran perspektif luas seperti dilihat titisan-titisan hujan tersebut yang berada tinggi di langit biru.

Tambahnya, tarikan di Wetland Studios Putrajaya merangkumi asset fizikal seperti replika haiwan, animatronik serta hiasan berkoncepkan alam semula jadi.

Norman berkata lebih canggih, seperti mana penonton menyaksikan karya-karya milik KRU, taman tema tertutup itu turut memanfaatkan kemajuan teknologi seperti hologram, realiti tambahan (AR), realiti campuran (MR) serta realiti maya (VR) dan juga kandungan digital animasi KiKaKo Kids sebagai tarikan.

Terdahulu, sempena Hari Terbuka Putrajaya 2023, Wetland Studios Putrajaya menawarkan diskain 20 peratus untuk pengunjung yang membuat pendaftaran awal dan boleh ditebus bermula 1 hingga 31 Mei 2023. **W.K**



KIKAKO Kids yang terdiri daripada tiga watak, Kiki, Kaka dan Koko.



Fokus dan konsisten semasa perlawanan

Disiplin kunci kejayaan atlet - Anis Natasha

SABRINA SABRE

BARU berusia 19 tahun, namun atlet olahraga Wilayah Persekutuan, Nur Anis Natasha Abdul Razif, merupakan antara atlet muda dilihat memiliki potensi yang boleh digilap untuk menyinari dunia olahraga suatu hari nanti.

Dia yang mula bergiat aktif dalam sukan olahraga sejak berumur 10 tahun mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya berjaya kelak.

"Sesi latihan yang dilakukan adalah sebanyak enam kali seminggu. Melakukannya senaman fizikal adalah wajib dan saya tidak kisah berkorban masa dan tenaga ke arah itu sekiranya ingin berjaya dalam bidang ini.

"Di samping itu, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting. Saya perlu bersedia memberi 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkkan sebarang kecederaan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, atlet kelahiran Wilayah Persekutuan Putrajaya ini memaklumkan dia memiliki



AKSI Anis Natasha dalam acara lompat galah ketika SUKMA XX MSN lalu.

caria tersendiri untuk mengekalkan fokus ketika berolahraga.

"Setiap orang mempunyai cara yang tersendiri. Bagi saya, antara kunci utama adalah mendapatkan tidur yang secukupnya selama tujuh hingga lapan jam, mengamalkan pemakanan yang seimbang serta membuat latihan fizikal untuk lebih cergas," ujarnya.

Anis Natasha yang juga merupakan pelajar Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkata dirinya turut memasang impian untuk mencipta kejayaan unggul dalam dunia olahraga antarabangsa.

"Untuk ke arah itu, saya perlu lebih bersiap sedia dan melakukan

lebih banyak latihan agar penampilan pada pemilihan itu nanti akan memberi kejayaan luar biasa kepada saya.

"Saya tidak akan mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata. Sebagai seorang atlet, kita perlu ada inisiatif sendiri untuk berjaya. Selain daripada itu, saya juga turut mempersiapkan diri

Pencapaian Anis Natasha

2022 – Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN – Tempat kedua

2022 – Johor Open – Tempat ketiga

2019 – 3rd Edition Bukit Jalil Athletics Championship – Tempat ketiga

2019 – Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) – Tempat kedua

dari segi mental agar tidak gentar semasa berada di padang," ujarnya.

Tambahnya lagi, jika diizinkan dia ingin melayakkan diri ke temasya Sukan Olimpik dan menyumbangkan emas sebaliknya gus menggembirakan keluarga yang sentiasa memberi sokongan terhadapnya.

"Sukan Olimpik adalah sukan terbesar dalam dunia sukan, jika banyak duit atau kaya sekali pun suatu hari nanti tetapi jika tidak dapat beraksi pada pentas itu saya tidak akan merasa puas," ujar anak pertama daripada lima orang adik-beradik ini. **WK**

Kayuhan WoW terima sambutan hangat sempena Hari Wanita Antarabangsa

SERAMAI kira-kira 150 orang wanita menyertai Program Women On Wheels (WoW) Ride 2023 yang diadakan secara percutia pada 5 Mac (Ahad) lalu.

Pengasas kayuhan 'Women On Wheels', Nor Fadhilah Ramli berkata program kayuhan santi tersebut diadakan bersempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun.

"Program Women On Wheels Ride 2023 ini adalah bagi meraikan wanita yang meminati aktiviti berbasikal dan ianya bermula seawal pukul 7.30 hingga 11.30 pagi di mana kayuhan melibatkan jarak sejauh 60 kilometer (km)," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, jarak kayuhan terbahagi kepada dua kategori iaitu 67km dan 36km serta dibahagikan kepada empat kumpulan di mana perjalanan adalah bermula di QB Cycle Cyberjaya.

Mengulas berkenaan keselamatan penunggang, Nor Fadhilah berkata hanya basikal jenis 'road bike' sahaja yang dibenarkan untuk menyertai program pada kali ini.

"Kepantasan juga akan dikawal dengan kelajuan purata 28km hingga 32km per jam.

"Seramai 10 orang marshall bermotor dan 10 orang marshall berbasikal juga telah dilantik bagi melancarkan kayuhan tersebut," ujarnya satu sesi bergambar telah diadakan di Dataran Pahlawan Putrajaya.

Nor Fadhilah berkata sedikit kelainan pada tahun ini adalah mereka telah mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak.

"Penganjuran kali ini lebih meriah dengan kerjasama daripada Specialized Malaysia dan QB Cycle

Cyberjaya, Rapha Malaysia, Boom Beverage dan Blvck Coffee serta dengan sokongan Kelab Berbasikal SPCC, AFG serta Speedzone," ujarnya.

Sebagai rekod, Program Women On Wheels telah diadakan sejak tahun 2021 dan kali ini diadakan dengan kerjasama yang kuat di antara dua wanita hebat iaitu Nor Fadhilah Ramli dari pasukan berbasikal AFG dan Nur Hazwany Halim dari Pasukan Berbasikal SPCC. **WK**



ANTARA peserta wanita yang menyertai kayuhan WoW 2023 di Putrajaya baru-baru ini. Foto: MUHAMMAD FAIZ IZZUDDIN

Hannah jamin promosi bakat Malaysia di pentas dunia

MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, memberi jaminan akan berusaha meningkatkan dan mempromosikan bakat Malaysia yang mampu beraksi di pentas dunia melalui pelbagai kerjasama perkongsian strategik.

Menerusi

Facebooknya hari ini, Hannah, berkata pertemuan dengan pelumba cilik, Travis Teoh, di parlimen baru-baru ini membuat beliau kagum dengan impian kanak-kanak 12 tahun itu dalam sukan permotoran.

Hannah turut membuat panggilan video dengan juara dunia dua kali Formula Satu (F1), Fernando Alonso mengenai perkembangan kerjaya pelumba muda itu selepas Travis dipilih sendiri oleh Alonso untuk menyertai program pembangunan bakat muda di bawah syarikat Pengurusan A14 milik pelumba F1 itu.

"Saya bertanya kepada Travis

sama ada dia boleh memberitahu saya sesuatu tentang dirinya. Jawapannya meninggalkan kesan yang berkekalan - saya bekerja keras untuk segala-galanya dan bagi merealisasikannya, saya akan terus bekerja lebih keras.

"Ini bukan jawapan biasa daripada budak lelaki berusia 12 tahun. Saya tahu dia serius tentang perlumbaan. Saya mahu pastikan tidak terlepas menyokong bakal juara dunia Malaysia," katanya.

Travis mula berkecimpung dalam dunia sukan permotoran semasa berusia enam tahun di bawah bimbingan Double R Motorsport (DRM) yang dimiliki oleh Mohd Rohairijaz Mohd Ropin.

Sebelum ini, Travis memenangi pelbagai gelaran kebangsaan dan antarabangsa termasuk DPK Racing serta muncul juara kelas OK pada Kohanan Dunia FIA-CIK 2022. - **BERNAMA**



HANNAH



►23

Kos sara hidup: Inisiatif JWP sangat membantu warga KL



TRAK MyGrocer menjual barang dengan kos lebih murah di PPA/PR sekitar Kuala Lumpur.

EMPAT inisiatif utama yang dilancarkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (dahulu dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan) dikenal pasti sangat membantu warga ibu kota mendepani isu kenaikan kos sara hidup.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), **Datuk Seri Azalina Othman Said** berkata inisiatif seperti Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah, MyMedic@Wilayah, MyFood@Wilayah dan MyJob@Wilayah yang dilancarkan JWP berjaya meningkatkan pendapatan keluarga, tahap pendidikan,

kesihatan, perumahan dan taraf hidup warga kota.

Dalam jawapan bertulis di Parlimen terhadap soalan Datuk Seri Johari Ghani (BN-Titiwangsa), Azalina Othman berkata jumlah keluarga miskin tegar di Kuala Lumpur berkurangan sebanyak 44 peratus tahun lalu.

"Terdapat 2,713 keluarga miskin tegar di Kuala Lumpur pada 2022 berbanding 3,865 isi rumah pada 2021, jumlah keluarga miskin di ibu kota turut berkurangan 15 peratus dari pada 4,545 pada 2021 kepada 3,874 tahun lalu," ujarnya.

Sebuah keluarga dianggap miskin dan miskin tegar jika pendapatan bulanan masing-masing di bawah RM2,208 serta RM1,169.

Johari bertanya mengenai jumlah keluarga dikategorikan miskin dan miskin tegar di Kuala Lumpur dari 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

Azalina berkata Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Labuan komited mencapai sifar miskin tegar sejajar sasaran negara pada 2025.

Katanya Putrajaya berjaya mencapai sifar miskin tegar pada Julai 2022.

WK

Bufet Ramadan: Cef Hasna Pulse Grande perkenal pes asam pedas

DIANA AMIR

MENGUNAKAN resipi turun-temurun, Hotel Pulse Grande Putrajaya mengeluarkan satu produk baharu iaitu Pes Istimewa Rahsia Bonda: Asam Pedas bersempena Ramadan kali ini.

Cef Masakan Melayu Hotel Pulse Grande Putrajaya, **Hasnaerdawaty Md Hanapi** berkata ia merupakan idea daripada Pengurus PUSPANITA Perbadanan Putrajaya (PPj), Datin Noormalia Samsul Bahrin untuk mengeluarkan produk pes asam pedas.

"Ekor asam pedas merupakan makanan kesukaan datin dan 'wajib' dihidangkan sekiranya beliau datang ke hotel. Jadi sempena Hari Terbuka Putrajaya (POD) 2023 ini, pihak kami perlu menyediakan satu barang goodie untuk diberikan kepada peserta Pertandingan Memasak, ketika itu datin mencadangkan untuk menghasilkan pes asam pedas.

"Pihak Pulse

Grande menyambut baik idea tersebut dan untuk menghasilkannya, saya menggunakan resipi daripada arwah mak cik yang juga mempunyai katering di Melaka.

"Pes asam pedas ini merupakan produk air tangan saya yang pertama untuk tahun ini dan diharapkan pada masa akan datang lebih banyak produk dapat dihasilkan, *insya-Allah*," katanya ketika ditemui *Wilayahku* selepas Demonstrasi Masakan Asam Pedas di POD 2023 pada Ahad lalu.

Cef Hasna berkata sempena POD 2023, harga promosi pes asam pedas tersebut bermula serendah RM5 bagi 100

gram (g) dan selepas ini orang ramai boleh dapatkan di laman sesawang Hotel Pulse Grande Putrajaya atau sosial media *TikTok Shop @pulsegrandehotel* dengan harga RM25 (300 g).

"Sekiranya pelanggan ingin membeli dalam kuantiti yang banyak, hendaklah maklumkan kepada pihak kami tiga hari sebelum kerana tidak menyimpan stok yang banyak.

"Tiada sebarang bahan pengawet digunakan dan ianya adalah 100 peratus asli. Oleh itu, pes kita hanya tahan selama lima hari jika disimpan di dalam peti biasa dan 30 hari di dalam freezer," ujarnya. WK



Cef Hasna (tengah) bersama Datin Noormalia (lima kanan) bergambar bersama orang awam yang menyaksikan demo Memasak Asam Pedas sempena POD 2023.

Siri animasi KiKaKo Kids bakal diterbitkan

MELIHAT industri animasi kreatif negara semakin pesat membangun sehingga menembusi pasaran dunia, KRU Group dan Universal Music Malaysia berganding bahu mengusahakan sebuah projek muzikal animasi di bawah jenama KiKaKo Kids.

Pengarah Urusan Universal Music Malaysia, **Kim Lim** beranggapan jalinan kerjasama antara kedua-dua syarikat terkemuka tempatan itu hadir pada waktu yang tepat.

"Seperti kita boleh lihat, karya animasi terbitan produksi tempatan semakin membanggakan di peringkat antarabangsa.

"Ini kerana pendekatan digunakan berjaya mendekati kanak-kanak, golongan yang mampu membuatkan ibu bapa menuruti permintaan dan kehendak mereka," ujarnya sewaktu ditemui di majlis memperkenalkan maskot rasmi bagi taman tema milik KRU Group iaitu Wetland Studios Putrajaya yang bernama KiKaKo Kids, baru-baru ini.

Tambah Kim Lim, kewujudan KiKaKo Kids yang terdiri daripada tiga watak iaitu Kiki, Kaka dan Koko itu perlu dimanfaatkan sepenuhnya



DARI kiri: Pengarah A&R Dan Pemasaran Universal Music Malaysia, Hermond Cheng, Norman dan Kim Lim.

selain menjadi maskot.

"Mereka perlu diberi nyawa dan dihidupkan. Justeru kami merancang untuk mencipta dan menerbitkan seleksi lagu kanak-kanak yang dinysanyikan oleh ketiga-tiga watak terbabit.

"Dalam projek ini, komitmen Universal Music adalah terhadap lagu yang bakal diterbitkan manakala KRU Studios pula memberi fokus kepada penerbitan klip video animasi KiKaKo.

"Memandangkan label kami berstatus antarabangsa, saya meletak harapan agar produk-produk di bawah jenama ini mampu menembusi pasaran dunia," jelasnya yang mengharapkan animasi ini mampu untuk pergi 'jauh'.

Sementara itu, Ketua

Pegawai Eksekutif KRU Group, Datuk Norman Abdul Halim menjelaskan pihaknya bertanggungjawab terhadap sebarang penghasilan karakter animasi KiKaKo sementelah produksinya terkenal dengan kepakaran mereka menerajui kreativiti tersebut.

"Dalam pada itu, siri animasi KiKaKo Kids juga masih dalam perancangan untuk diterbitkan bagi jangka masa panjang. Sekiranya rezeki berpihak kepada kami, kita akan mengulangi kejayaan yang dicapai oleh naskhah animasi terkenal negara seperti Upin & Ipin, Boboiboy, Ejen Ali, Didi & Friends, Mechamoto dan Omar & Hana," kata dia. WK